



Memperkasakan kehidupan, menyatukan komuniti

Laporan Prestasi Dana 2023



Kandungan laporan ini



Imbas kod QR ini untuk membaca versi digital Laporan Prestasi Dana yang disediakan di laman web korporat kami.

Gambaran Keseluruhan

2	Perutusan daripada Ketua Pegawai Eksekutif	84	Dana Induk Dividen Allianz Life	174	Dana Ekuiti Asia Total Return Allianz Life
4	Ulasan & Tinjauan Pasaran 2023	95	Dana Bon Allianz Life	182	Dana Pendapatan Global Allianz Life
9	Dana Ekuiti Allianz Life	103	Dana Padu Allianz Life	190	Dana Thematica Allianz Life
17	Dana Terurus Allianz Life	111	Dana Induk Dana Ekuiti Allianz Life	199	Dana Pendapatan Elit Allianz Life
25	Dana Pertumbuhan Dinamik Allianz Life	122	Dana Amanah Dana Ikhlas Allianz Life	207	Dana Ekuiti All China Allianz Life (USD)
36	Dana Pendapatan Ekuiti Allianz Life	130	Dana ASEAN Plus Allianz Life	214	Dana Global Kepintaran Buatan Allianz Life (USD)
44	Dana Global High Payout Allianz Life	138	Dana Induk ASEAN Plus Allianz Life	221	Dana Pendapatan Oriental Allianz Life (USD)
52	Dana Asia Multi-IncomePLUS Allianz Life	149	Dana Ekuiti All China Allianz Life	228	Dana Thematica Allianz Life (USD)
60	Dana Induk Bon Allianz Life	157	Dana Global Kepintaran Buatan Allianz Life	236	Dana Pendapatan Elit Allianz Life (USD)
73	Dana Induk Ekuiti Allianz Life	166	Dana Pendapatan Oriental Allianz Life	243	Lampiran

Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif



Charles Ong

Ketua Pegawai Eksekutif
Allianz Life Insurance
Malaysia Berhad

Pemegang polisi berkaitan pelaburan yang dihargai,



Kami berbesar hati untuk membentangkan Laporan Prestasi Dana Allianz Life Insurance Malaysia Berhad (Allianz Life) bagi tahun 2023. Kami menjalani tahun yang hebat menumpukan pada perlindungan pelanggan dengan produk-produk yang disesuaikan berdasarkan pelbagai keperluan.

Bagi pihak syarikat, saya berasa gembira untuk berkongsi bahawa Allianz Life telah merekodkan beberapa pencapaian yang hebat pada tahun 2023 memandangkan semua saluran pengagihan kami mencatatkan Premium Baharu Tahunan pada paras tertinggi dalam sejarah. Kejayaan ini tidak mungkin dikecapi tanpa kerja keras dan dedikasi para pekerja yang menjadi tulang belakang organisasi kami. Produk-produk berkaitan pelaburan kami seterusnya mencatatkan pertumbuhan yang kukuh pada tahun 2023 sebanyak 5.8% Premium Bertulis Kasar dan 9.1% Premium Perniagaan Baharu.

Tenaga kerja agensi kami adalah daya penggerak yang menyumbang kepada kejayaan yang luar biasa pada tahun lepas. Hasil daripada inisiatif Recruit2Grow, kami mencatatkan lonjakan sebanyak dua digit dari segi rekrut baharu pada tahun 2023.

Komitmen kami kepada tenaga kerja agensi adalah untuk menawarkan mereka segala sokongan yang diperlukan. Kami telah melakukan ini melalui pelbagai inisiatif perekrutan seperti Allianz C.E.O. Programme, Allianz L.E.A.P, perkongsian kami dengan INSEAD serta pelbagai inisiatif transformasi agensi kami. Ini termasuk penambahbaikan peralatan dengan akses yang lebih meluas kepada pelanggan, terutamanya aplikasi Allianz 360.

Dari segi produk, bagi tahun 2023, perniagaan perlindungan berkaitan pelaburan juga bertambah baik. Saya menganggap bahawa pencapaian ini disebabkan oleh tumpuan Allianz Life kepada meningkatkan dan memacu pelbagai tawaran perlindungan. Kami mengatur beberapa kempen pelanggan yang berjaya bagi produk-produk termasuk Allianz UltimateLink, Allianz EverLink dan Allianz EverLink Signature sepanjang tahun.

Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif

Bagi dana berkaitan pelaburan, dana-dana kami berjaya mengatasi prestasi penanda aras yang ditetapkan masing-masing meskipun keadaan pasaran domestik yang suram. Dana-dana prinsipal, iaitu Dana Ekuiti Allianz Life (Dana Ekuiti) dan Dana Terurus Allianz Life (Dana Terurus) mencatatkan pulangan masing-masing sebanyak +4.25% dan +4.27% berbanding dengan pulangan penanda aras sepadan sebanyak +0.63% dan +1.80%.

Apabila diukur selama tiga tahun yang lalu, pulangan Dana Ekuiti dan Dana Terurus mencatatkan pulangan sebanyak +10.22% dan +7.17% berbanding dengan pulangan yang dicatatkan oleh penanda aras sebanyak -8.84% dan -0.83%. Mengimbuai ke pelancarannya pada tahun 2000, Dana Ekuiti dan Dana Terurus juga mencatatkan keputusan yang positif dengan pulangan ditahunkan sebanyak +7.37% dan +7.63% mengatasi prestasi penanda aras masing-masing sebanyak 4.53 mata asas dan 4.41 mata asas.

Perkongsian kukuh antara Allianz Life dengan HSBC Bank Malaysia Berhad (HSBC Malaysia) selama beberapa tahun telah menghasilkan pertumbuhan luar biasa bagi perniagaan bancassurance pada tahun ini.

Sepanjang tahun, kami berjaya meluaskan penawaran produk dana pelaburan bankasurans kami dengan menggabungkan pelbagai peluang pelaburan asing diwakili oleh mata wang dolar Amerika Syarikat. Dana-dana tersebut ialah Dana Thematica Allianz Life (AS\$) yang melabur dalam pasaran ekuiti global dengan menumpukan kepada tema, Dana Pendapatan Elit Allianz Life (AS\$) yang berasaskan strategi pendapatan tetap berbagai sektor global, Dana Pendapatan Oriental Allianz Life (AS\$) yang menekankan kepada peluang-peluang bon dan ekuiti Asia Pasifik, Dana Kepintaran Buatan Global Allianz Life (AS\$) yang menumpukan kepada pelbagai ekuiti berkaitan dengan bidang lanjutan kepintaran buatan dan Dana Ekuiti All China Allianz Life (AS\$) yang melabur dalam pelbagai ekuiti di China, Hong Kong dan Macau. Sesetengah peluang pelaburan asing menunjukkan prestasi yang mengagumkan sepanjang tahun 2023 dengan Dana Kepintaran Buatan Global Allianz Life dan Dana Thematica Allianz Life masing-masing mencatatkan pulangan tahun ke tahun sebanyak +51.44% dan +18.62%.

Kami terus mengukuhkan saranan pelan berkaitan pelaburan (ILP) untuk memberi pelanggan pilihan terbaik dengan memperkenalkan pelan simpanan ILP baharu HSBC EliteWealth pada Disember 2023 dan menambah dua dana baharu, Dana World HealthScience Allianz Life dan Dana ESG-Integrated Multi Asset Allianz Life pada suku pertama tahun 2024.

Dana-dana ini bertujuan untuk memperkasakan pelanggan dengan menyediakan akses kepada peluang pelaburan baharu dan menarik di samping menawarkan pelbagai kelas aset. Dengan pilihan ini, pelanggan dapat menyesuaikan portfolio pelaburan mereka agar sejajar dengan matlamat kewangan dan keperluan perlindungan yang khusus, memastikan masa depan yang terjamin untuk mereka.

Pada tahun 2024, beberapa dasar dan pelan pembaharuan subsidi yang ditetapkan oleh Kerajaan di bawah rangka kerja menyeluruh Madani menyokong kami untuk beralih ke pasaran yang belum diterokai. Dasar dan pelan pembaharuan subsidi seperti Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Nasional, Pelan Induk Industri Baharu 2030, Belanjawan 2024 dan rasionalisasi subsidi bahan api yang dinantikan dijangka akan membuahkan hasil pada tahun 2024.

Semua ini akan mengukuhkan jangkaan pertumbuhan Keluaran Dalam Negera Kasar (KDNK) 2024 Bank Negara Malaysia tahun ke tahun sebanyak +4% kepada 5% apabila kami memulakan tahun ini pada kedudukan ekonomi yang lebih kukuh. Walau bagaimanapun, kami tetap mengambil langkah berhemat untuk mengurangkan sebarang tanggapan optimistik dengan mengawasi pelbagai halangan yang mungkin menjejaskan prospek pertumbuhan ekonomi Malaysia dan global.

Halangan ini mengandungi, tetapi tidak terhad kepada peningkatan pelbagai risiko geopolitik yang akan mendorong kepada langkah tegas pengetatan atau pemanjangan tempoh dasar-dasar monetari ketat bank-bank pusat atau kemerosotan pemulihan ekonomi China yang menjadi negara penyumbang penting pertumbuhan ekonomi global.

Bagi Malaysia, mungkin ada risiko yang boleh diukur dalam pelaksanaan pelbagai dasar negara serta permintaan domestik yang berkurang. Namun begitu, kami tetap teguh dalam kecenderungan kami untuk pelaburan asas yang kukuh dalam tempoh pelaburan jangka panjang yang sesuai.

Pelbagai aktiviti perdagangan akan digunakan dengan strategi mengambil peluang jika mungkin untuk memanfaatkan sebarang ketaktentuan pasaran yang berlaku bagi keuntungan jangka pendek. Akhir sekali, kami berwaspada terhadap keperluan mengamalkan pelbagai strategi baharu bila-bila perlu untuk menampung kemudahubahan pasaran.

Yang paling penting, kami berharap agar kami kekal di tangga 5 Teratas Indeks Kepuasan Pelanggan dalam Tinjauan Kepuasan Pelanggan Insurans & Takaful Malaysia* bagi tahun 2023 dan terus meluaskan bahagian pasaran** kami pada tahun 2024.

Terima kasih atas sokongan padu anda kepada Allianz Malaysia.

Nota kaki:

* Allianz Life berada di tangga 5 Teratas Indeks Kepuasan Pelanggan dalam Tinjauan Kepuasan Pelanggan Insurans & Takaful Malaysia 2022

** Allianz Life mengekalkan kedudukan nombor 4 dengan bahagian pasaran sebanyak 9.8% pada tahun 2023

Ulusan Pasaran



Selepas pergolakan pada tahun 2022, tahun 2023 kelihatan agak menyederhana bagi pasaran ekuiti meskipun timbul kebimbangan tentang tindakan pengetatan bank-bank pusat untuk membendung persekitaran inflasi ekoran daripada pelanggaran dasar monetari serta konflik geopolitik yang mungkin dengan tidak sengaja mencetus kemelesetan yang teruk. Ini tidak termasuk perpecahan secara beransur-ansur ekoran daripada keredaan ketegangan Amerika Syarikat (AS)-China yang berterusan ke tahun 2023 dengan Pentadbiran Presiden Biden mengenakan lebih banyak sekatan terhadap syarikat-syarikat China dalam segmen semikonduktor, bahan kimia, elektronik, dan teknologi. Meskipun begitu, kebimbangan berlakunya kemelesetan yang teruk tidak menjadi kenyataan pada tahun 2023 memandangkan ekonomi AS terbukti lebih kukuh daripada yang dijangkakan. Tambahan pula, beberapa bank pusat mengambil pendirian yang kurang mengetat menjelang penghujung tahun telah mendorong para pelabur menentukan semula jangkaan bagi 'pendaratan lembut' ekonomi. Berlatarbelakangkan keadaan ekonomi ini, prestasi pasaran meningkat, dengan lonjakan tahun ke tahun sebanyak +21.77% dalam Indeks Dunia MSCI pada tahun 2023, memulih semula ekonomi selepas penguncupan pada tahun sebelumnya.

Di AS, Purata Perindustrian Dow Jones meningkat tahun ke tahun (YoY) sebanyak +13.70% namun segmen teknologi yang paling menonjol pada tahun 2023 dengan lonjakan tahun

ke tahun sebanyak +43.42% oleh Indeks Komposit NASDAQ. Pasaran teknologi mengalami era perubahan sepanjang tahun didorong oleh kemunculan kepintaran buatan generatif dalam suasana jeda kadar faedah oleh Rizab Persekutuan (Fed), berlatarbelakangkan kadar inflasi yang agak baik dan pembukaan semula ekonomi oleh negara China yang membantu meredakan kebimbangan tentang inflasi rantai bekalan global yang semakin mengetat. Disebabkan oleh usaha bersepadu oleh Fed termasuk kenaikan kadar Sasaran Dana Fed sebanyak 525 mata asas (bps) sepanjang 2022 hingga Julai 2023, ancaman inflasi dijangka berterusan memuncak yang membelenggu pasaran pada tahun 2022 dapat dikekang, dan seterusnya mengakhiri tahun pada paras lebih terkawal tahun ke tahun sebanyak +3.4%. Sepanjang tahun 2023, Fed meningkatkan kadar Sasaran Dana Fed sebanyak 100 bps sehingga Julai 2023 tetapi mengekalkannya pada kadar yang stabil sejak itu. Jeda Penangguhan kenaikan kadar oleh Jawatankuasa Pasaran Terbuka Fed (FOMC) selepas Julai 2023 menunjukkan bahawa kitaran pengetatan kadar faedah semasa hampir mencecah kadar puncak. Dari segi ekonomi, AS terbukti berdaya tahan dengan pertumbuhan Kadar Dalam Negara Kasar (KDNK) sebenar mencatatkan lonjakan tahun ke tahun sebanyak +2.5% berbanding dengan kenaikan tahun ke tahun sebanyak +1.9% pada tahun 2022. Mengukuhkan suasana positif ini ketika inflasi menyederhana ialah pertambahan pekerjaan baharu sebanyak 2.7 juta sepanjang tahun, peningkatan tahun

Ulaskan Pasaran

ke tahun jualan runcit & perkhidmatan makanan pada Disember sebanyak +5.6%, peningkatan tahun ke tahun pendapatan boleh guna sebenar sebanyak +4.2% dan kenaikan tahun ke tahun kadar simpanan peribadi kepada 4.5% pada tahun 2023. Rang Undang-undang Infrastruktur Dwipartisan, Akta CHIPS dan Sains, Akta Pengurangan Inflasi telah menghasilkan peningkatan dalam sektor pembinaan pembuatan. Sebaliknya, kekuatan ekonomi AS dijangka akan melambatkan kadar inflasi yang seharusnya menyederhana kepada kadar sasaran, dan keadaan ini seterusnya akan menggesa para penggubal dasar Fed untuk memberikan bukti yang lebih kukuh tentang tekanan harga yang menyederhana sebelum menggubal sebarang dasar penting yang ditunggu-tunggu. Oleh itu, pada Februari 2024, Pengerusi Fed dengan jelas menyatakan bahawa pemotongan kadar pada Mac 2024 tidak mungkin berlaku.

Di Eropah, Indeks Stoxx50 menaik tahun ke tahun sebanyak +19.19% dengan pasaran ekuiti juga beroleh manfaat daripada kenaikan kadar yang ditangguh jeda kenaikan kadar di tengah-tengah kecenderungan berlakunya disinflasi. Hal menarik untuk diperhatikan ialah prestasi pasaran ahli terbesarnya, Indeks Saham Jerman melonjak tahun ke tahun sebanyak +20.3% meskipun KDNK menyusut tahun ke tahun sebanyak 0.3% pada tahun 2023. Pada suku keempat tahun 2023 (4Q23) KDNK mengalami penguncupan sebanyak 0.3% suku ke suku tahun (QoQ) tetapi kadar pertumbuhan suku ketiga tahun 2023 (3Q23) meningkat suku ke suku tahun kepada +0.0% daripada bacaan awal suku ke suku tahun sebanyak -0.1%. Oleh itu, Jerman dapat menghindari nyaris-nyaris berlakunya kemelesetan teknikal, yang ditakrif sebagai penguncupan KDNK dalam dua suku tahun berturut-turut. Untuk membendung tekanan inflasi, seperti rakan bank pusat Amerika, Bank Pusat Eropah (ECB) menaikkan Kadar Pembiayaan Semula Utama sehingga September 2023 kepada 4.50%, tertinggi sejak Krisis Kewangan Global, tetapi sejak dari itu, kenaikan kadar telah menanggukkan kenaikan kadar selanjutnya sejak dari itu. Namun begitu, Indeks Harmoni Harga Pengguna menurun tahun ke tahun kepada +2.9% setakat Disember 2023 daripada paras puncak tahun ke tahun pada +10.6% pada Oktober 2022, bermakna inflasi semakin hampir kepada sasaran tahun ke tahun ECB sebanyak +2.0%. Walau bagaimanapun, Presiden ECB mengingatkan bahawa kadar faedah "akan ditetapkan pada paras yang cukup terhad selagi perlu" sekali gus terlibat dalam tindakan mengimbangi kadar pengekalan untuk mengurangkan lagi risiko inflasi. Di samping itu, rantau ini merupakan pusat krisis geopolitik yang sedang berlaku yang sedikit sebanyak telah menjejaskan talian bekalan dan, sekiranya bertambah buruk mungkin menyebabkan kenaikan kadar inflasi lebih tinggi dan berisiko menjejaskan pemulihan ekonomi global.

Tidak seperti rakan komposit indeks di barat, Indeks Komposit Shanghai China sebaliknya menurun tahun ke tahun sebanyak 3.70% meskipun KDNK 2023 memperoleh kadar pertumbuhan

tahun ke tahun sebanyak +5.2% yang selaras dengan sasaran tahun ke tahun kerajaan sebanyak +5.0%. Walaupun aktiviti ekonomi telah meningkat pasca sekatan COVID-19, dorongan awal pasaran pada permulaan tahun agak hambar pada suku ketiga tahun 2023 (3Q23) berikutan kemerosotan pasaran hartanah meskipun adanya pelbagai usaha kerajaan untuk menyokong sektor ini. Selain itu, ekonomi negara China dibayangi oleh permintaan pengguna yang hambar dan beberapa perniagaan terpilihnya dikenakan sekatan oleh AS. Ekonomi China juga mengalami fenomena bertentangan dengan ekonomi barat yang bergelut dengan inflasi, memandangkan negara ini mengalami deflasi tahun ke tahun kira-kira sebanyak -0.29% pada tahun 2023. Keadaan ini berlaku walaupun People's Bank of China (PBOC) melaksanakan beberapa usaha untuk membantutkan kemerosotan dan menggiatkan reflasi aset untuk menyokong ekonomi negara tersebut. Sebagai contoh, PBOC menurunkan penanda arasnya satu tahun dan Kadar Perdana Pinjaman (LPR) lima tahun pada Jun 2023 masing-masing kepada 3.55% dan 4.20% selepas berhenti selama 10 bulan dan disusuli dengan pemotongan LPR satu-tahun lagi kepada 3.45% pada Ogos 2023. Menjelang penghujung tahun 2023, China melaksanakan rangsangan fiskal baharu dengan penerbitan bon berdaulat bernilai 1 trilion yuan dan meluluskan rang undang-undang untuk membenarkan pihak kerajaan tempatan memperuntukkan sebahagian daripada kuota bon 2024 sebagai usaha untuk menyokong ekonominya. Ini selain daripada kuota tahun 2023 sebanyak 3.8 trilion yuan dalam bentuk bon kerajaan tempatan khas untuk membiayai pelbagai projek infrastruktur. Bagaimanapun, usaha-usaha ini tidak dapat membantu untuk menghindari negara daripada terus tenggelam ke dalam deflasi memandangkan Indeks Harga Pengguna (CPI) merudum tahun ke tahun kepada 0.8% pada Januari 2024, magnitud yang tidak dilihat sejak tahun 2009, yang mengetengahkan pelbagai cabaran yang dihadapi oleh negara China.

Dari segi komoditi, harga minyak mentah Brent jatuh tahun ke tahun sebanyak 10.3% setelah naik turun sepanjang tahun didorong oleh kebimbangan permintaan yang lemah sekiranya inflasi tidak terkawal memaksa pelbagai reaksi bank-bank pusat dengan tidak sengaja mencetus kemelesetan global, di samping impak buruk yang mungkin timbul daripada pelbagai ledakan geopolitik. Harga minyak mentah Brent berada pada paras lebih rendah pada awal tahun, menurun kepada AS\$72.66 setong pada akhir Mei 2023 daripada AS\$85.91 setong pada akhir Disember 2022 disebabkan oleh kebimbangan terdahulu berkisarkan risiko kemelesetan yang didorong oleh inflasi. Penurunan ini mendorong tindak balas daripada OPEC+ yang memulakan pemotongan pengeluaran untuk menaikkan harga minyak mentah Brent kepada AS\$95.31 setong setakat September 2023. Walau bagaimanapun, pada suku keempat tahun 2023 (4Q23), konflik geopolitik meletus dan bersama dengan peningkatan pengeluaran daripada negara-negara bukan-Pertubuhan Negara-negara Pengeksport Petroleum (OPEC), harga minyak

Ulasan Pasaran

mentah Brent merosot kembali kepada AS\$77.04 setong setakat Disember 2023 meskipun OPEC+ mengumumkan pemotongan pengeluaran selanjutnya yang akan bermula pada suku pertama tahun 2024. Begitu juga harga minyak sawit mentah (CPO) menjunam sebanyak 12.2% tahun ke tahun kepada RM3622 setan metrik. Seperti minyak mentah, CPO juga jatuh ke paras terendah dalam tahun yang ditinjau sebanyak RM3255 setan metrik pada Mei 2023 daripada RM4171 setan metrik setakat Disember 2022 apabila Jabatan Pertanian AS mengumumkan unjuran tanaman berpotensi tinggi yang mendorong kepada pembetulan harga benih minyak dan sayur-sayuran lain. Sementara itu, China dan India telah mengurangkan permintaan CPO. Kemudian harga CPO melonjak kepada RM3860 setan metrik pada Ogos 2023 disebabkan oleh musim kering namun seterusnya menurun semula untuk mengakhiri tahun pada RM3622 setan metrik ekoran daripada pengeluaran yang lebih kukuh dari Malaysia serta penurunan harga kacang soya.

Walaupun tahun 2023 dianggap lebih baik daripada tahun 2022 dari segi persekitaran pasaran global, trend menurun Indeks Komposit Kuala Lumpur (FBMKLCI) berterusan dengan menyusut tahun ke tahun sebanyak 2.73%, namun pada kadar yang lebih rendah daripada kemerosotan pada tahun 2022. Meskipun pasaran kurang memberangsangkan sehingga kini, selepas diterajui oleh empat orang perdana menteri dalam tempoh lima tahun, 2023 mungkin menjadi detik penentu trajektori pertumbuhan negara melibatkan peluncuran Malaysia Madani, rangka kerja dasar yang bertujuan untuk menjadi tunjang pentadbiran yang baik, pembangunan lestari dan keharmonian kaum bagi negara di bawah tampuk kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim. Ini disusuli oleh pelaksanaan beberapa pembaharuan dan bajet yang antara lain, akan menggalakkan fiskal berhemat, peralihan tenaga, dan rasionalisasi subsidi.

Dari sudut ekonomi, prestasi Malaysia kelihatan memuaskan mencatatkan pertumbuhan KDNK 2023 tahun ke tahun sebanyak +3.7%, kurang sedikit daripada sasaran Bank Negara Malaysia (BNM) iaitu +4.0%, apabila pertumbuhan menyederhana di tengah-tengah persekitaran luaran yang mencabar. Menurut BNM, halangan luaran yang melanda negara kita adalah kelembapan perdagangan global, kitaran rendah teknologi global, ketegangan geopolitik serta dasar-dasar monetari global yang pada umumnya lebih ketat.

Namun, mujurlah, pelbagai penghalang ini telah diimbangi oleh aktiviti ekonomi domestik yang berterusan selepas pembukaan semula ekonomi pasca COVID-19 pada tahun 2022, dan keadaan pasaran tenaga buruh yang sihat seperti yang dibuktikan oleh kadar pengangguran sebanyak 3.3% setakat Disember 2023 yang meningkat lebih hampir kepada purata jangka panjang sejak mencecah kadar yang tinggi sebanyak 5.3% pada Mei 2020

ketika tempoh sekatan pergerakan COVID-19. Tambahan pula, Malaysia bernasib baik kerana terlepas daripada mengalami kadar inflasi melampau yang melanda sesetengah rakan pasaran membangun yang lain. Bacaan CPI pada Disember 2023 sebanyak 1.5%, menurun daripada kadar tertinggi baru-baru ini sebanyak 4.7% pada Ogos 2022 menunjukkan bahawa risiko inflasi telah berjaya dibendung oleh tindakan kerajaan dan BNM. Bagitujuan ini, tidak seperti bank pusat Amerika yang menaikkan kadar empat kali, BNM hanya menaikkan Kadar Dasar Semalaman sekali pada tahun 2023 kepada 3.00%.

Asas ekonomi Malaysia yang teguh, diperkukuh oleh ekonomi yang pelbagai, pasaran buruh yang berdaya tahan, permintaan domestik yang teguh dan inflasi yang agak terkawal, terus menjadikan negara ini destinasi pilihan untuk pelaburan langsung asing. Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) telah meluluskan pelaburan bernilai RM225.0 juta dari Januari hingga September 2023. Pada Oktober 2023, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri mengumumkan bahawa Malaysia juga telah memperoleh komitmen Pelaburan Langsung Asing (FDI) berjumlah RM230.7 bilion melalui siri Misi Dagangan dan Pelaburan yang diadakan dalam jangka masa yang sama.

Dari segi dasar, kerajaan membuat beberapa pengumuman tentang pelbagai dasar penting pada tahun 2023 untuk dilaksanakan sepanjang tahun 2024. Antaranya ialah Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara yang dilancarkan pada Julai 2023. Inisiatif penting ini membolehkan perdagangan tenaga merentas sempadan dan dijangka akan memulakan eksport tenaga sulungnya ke Singapura pada separuh pertama tahun 2024 (1H24). Selain daripada eksport tenaga, NETR akan bertindak sebagai pelan tindakan negara untuk menyokong aspirasi Rancangan Malaysia Ke-12 2021-2025 (RMKe-12) bagi pelepasan sifar bersih pada tahun 2050 dan matlamat Dasar Tenaga Negara (NETR) untuk menjadi negara rendah karbon pada tahun 2040. Menurut kerajaan, 10 projek perdana di bawah NETR dijangka akan menjana pelaburan bernilai hampir RM25 bilion. Kerajaan juga telah melancarkan Pelan Induk Perindustrian 2023 yang menyokong pembangunan perindustrian dan meningkatkan sektor pembuatan. Belanjawan Malaysia 2024 mendukung perbelanjaan pembangunan yang mencatat RM90.0 bilion melebihi bajet terdahulu sebanyak RM83.7 bilion (selepas menolak bayaran bon 1Malaysia Development Berhad) dan akan disalurkan kepada projek-projek berimpak tinggi dengan kesan pengganda yang tinggi. Walau bagaimanapun, kerajaan juga mempamerkan tahap fiskal berhemat yang tidak terlalu berlebihan dan sekaligus memastikan bahawa belanjawannya akan menghasilkan defisit fiskal kepada KDNK lebih rendah sebanyak 4.3%, titik peratusan tahun ke tahun -0.7. Asas usaha untuk membendung defisit ini ialah rasionalisasi subsidi yang akan dilancarkan dengan berhati-hati pada tahun 2024.

Ulaskan Pasaran



Negara-negara jiran Asean mempunyai prestasi bercampur-campur dengan Indeks Komposit Jakarta Indonesia mengakhiri tahun 2023 berada di zon hijau dengan peningkatan pertumbuhan positif tahun ke tahun sebanyak +6.16% didorong oleh momentum pertumbuhan ekonomi dijangka berpunca daripada pilihan raya umum pada suku pertama tahun 2024 (1Q24). Sebaliknya, Indeks Straits Times Singapura merosot tahun ke tahun 0.34% kerana diseret oleh ketidakpastian berkaitan dengan risiko geopolitik, mengembangkan pendirian kenaikan kadar Fed AS dan pembukaan semula China. Bursa Saham Thailand mencatat prestasi lebih buruk dengan penurunan tahun ke tahun sebanyak 15.15% disebabkan oleh ketidakpastian politik menyelubungi pelantikan rasmi pemimpin negara selepas pilihan raya pada Mei 2023. Sebahagiannya kerana ketakpastian politik, beberapa pembaharuan telah ditangguhkan seperti insentif utama ekonomi pemberian tunai digital.

Bagi kelas aset pendapatan tetap, tahun 2023 juga mencabar untuk bon memandangkan Fed AS menaikkan kadar faedah sepanjang tahun untuk membendung inflasi. Nasib baik tahun diakhiri positif selepas Fed AS memberikan isyarat berakhirnya kitaran kenaikan kadar semasa suku keempat yang menyebabkan kenaikan pasaran yang kukuh. Seperti yang dinyatakan, BNM menaikkan OPR sekali pada tahun 2023. Hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) menurun sebanyak 18-37 mata asas tahun ke tahun merentas lengkung. Pergerakan hasil MGS lebih berdaya tahan berbanding dengan Perbendaharaan AS (UST) dengan MGS 10-tahun menurun sebanyak 32 mata asas mengakhiri tahun pada 3.73%. Lengkung menaik UST mencuram dengan hasil UST 10-tahun mengakhiri tahun tidak berubah pada 3.88% tetapi dengan ketaktentuan tinggi apabila menutup pada paras terendah pada 3.31% pada bulan April terjejas oleh krisis perbankan dan kadar tinggi sebanyak 4.99% pada bulan Oktober apabila Fed memberikan isyarat bahawa kadar akan kekal tinggi untuk tempoh yang lebih lama. Selain itu, aliran masuk dana asing Malaysia berjumlah RM23.6 bilion pada tahun 2023, yang merupakan peningkatan ketara aliran keluar sebanyak RM9.8 bilion pada tahun 2022.

Dari segi mata wang, jurang perbezaan kadar faedah yang melebar antara AS dan Malaysia mendorong kepada pengeluaran dana yang seterusnya menyebabkan penyusutan nilai Ringgit. Sejak tahun 2022, Fed telah menaikkan kadar faedah sebanyak 525 mata asas manakala BNM hanya menaikkan sebanyak 125 mata asas, bank-bank pusat serantau seperti Bank of Thailand (BOT) sebanyak 200 mata asas dan Bank Indonesia sebanyak 250 mata asas. BNM tidak menaikkan pada kadar yang seiring berpunca daripada kedudukan lebih akaun semasa negara kita dan kadar inflasi yang agak terkawal. Oleh itu, mulai Januari hingga Oktober 2023, Ringgit menyusut kepada RM4.7937:AS\$1.00 daripada RM4.4040: AS\$1.00 pada akhir Disember 2022. Mujurlah apabila FOMC memilih untuk menjeda kadar kenaikan buat kali kedua pada November 2023, sentimen pasaran bertukar optimistik menjangkakan prospek dasar penting yang mendorong kepada penurunan hasil UST dan melemahkan dolar AS. Ekoran daripada itu, Ringgit pulih kembali untuk mengakhiri pada RM4.5940: AS\$1.00 daripada paras tahunan terendah pada Oktober 2023. Bagaimanapun, disebabkan oleh kelemahan Ringgit, aliran keluar bersih asing berjumlah RM2.3 bilion pada tahun 2023 berbanding dengan aliran masuk sebanyak RM4.4 bilion pada tahun 2022. Aliran masuk ekuiti asing dijangka akan pulih sekiranya Ringgit pulih kembali pada tahun 2024.

Ulasan Pasaran

Tinjauan

Melangkah ke tahun 2024, naratif menyeluruh negara mungkin akan berkembang daripada aspirasi pada tahun 2023 kepada realiti. Setelah beberapa tahun sering berubah pemimpin dan parti politik yang menerajui pentadbiran kerajaan dari tahun 2018 ke tahun 2022, kini dengan kejelasan dasar, kami percaya bahawa Malaysia akan berada pada kedudukan yang baik untuk melaksanakan pelbagai dasar dan pembaharuan yang dinyatakan di atas. Semuanya akan menjadi teras pertumbuhan ekonomi Malaysia pada tahun 2024, yang diunjur oleh kerajaan sebanyak +4.0 hingga 5.0%, memanfaatkan asas kukuh dan rancangan bercita-cita tinggi negara di bawah rangka kerja Madani serta Belanjawan 2024. Di samping itu, ekonomi negara juga mungkin memperoleh manfaat daripada pasaran tenaga buruh yang sihat, perbelanjaan domestik yang berdaya tahan, pemulihan pelancongan, lebihan akaun semasa dan sebarang potensi pemulihan permintaan luaran. Penghujung kitaran kadar faedah global juga melihat potensi pembalikan dalam dagangan dolar AS yang kukuh sekiranya dasar penting Fed dapat menyemarakkan semula peralihan dalam peruntukan aset dan aliran kembali ke Malaysia.



Sehubungan dengan itu, peluang-peluang pertumbuhan mungkin diiringi dengan tahap risiko yang sepadan. Tahun 2024 mungkin akan menyaksikan beberapa halangan eksogen (dihasilkan daripada luar) dan endogen (dihasilkan daripada dalam) yang mungkin menjejaskan prospek pertumbuhan ekonomi Malaysia dan global. Risiko ini termasuk, tetapi tidak terhad kepada peningkatan risiko geopolitik yang boleh menyebabkan gangguan pertumbuhan global, peningkatan berterusan inflasi global yang seterusnya boleh mendorong kepada tindakan bank-bank pusat mengetatkan atau memanjangkan tempoh dasar monetari dan kemerosotan pemulihan ekonomi China yang menjadi penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi global. Pada peringkat tempatan, terdapat pelbagai risiko yang menyelubungi pelaksanaan pelbagai dasar negara serta permintaan domestik yang merosot. Secara keseluruhannya, pelbagai risiko ini boleh mendorong kepada peningkatan tahap penghindaran risiko dan ketaktentuan pasaran yang mungkin seterusnya memberi impak negatif kepada ekonomi negara.

Bagi ekuiti, kami mengekalkan keutamaan kami untuk pelaburan yang mempunyai asas yang kukuh dalam tempoh pelaburan jangka panjang yang sesuai. Walau bagaimanapun, kami mungkin secara oportunistik terlibat dalam pelbagai aktiviti perdagangan untuk memanfaatkan sebarang ketaktentuan pasaran yang berlaku untuk keuntungan jangka pendek. Namun begitu, memandangkan pertumbuhan global yang berpotensi memperlambatkan serta risiko geopolitik yang berterusan, kami menyedari akan keperluan untuk mengadaptasikan diri dengan strategi baharu apabila diperlukan untuk menyesuaikan diri dengan kemudahubuhan pasaran yang sentiasa berubah.

Bagi pendapatan tetap, ketaktentuan hasil bon tempatan dijangka berterusan tetapi pada tahap yang lebih rendah bagi tahun 2024. Terdapat jangkaan sokongan positif untuk bon kerana Fed telah memberi isyarat bahawa ia berpotensi mencapai kadar akhir puncak di AS tetapi masa pemetongan kadar pertama bergantung kepada antara faktor lain, pelonggaran kadar inflasi dan kelesuan keadaan pasaran kerja. BNM menjangka inflasi bagi tahun 2024 untuk kekal sederhana, secara meluas mencerminkan kos dan keadaan permintaan yang stabil. Bagaimanapun, risiko kepada tinjauan inflasi mungkin kekal ketara tertakluk kepada perubahan dasar domestik mengenai subsidi dan kawalan harga, serta harga komoditi dan perkembangan pasaran kewangan global. Kami akan terus mengumpul bon pada penilaian yang menguntungkan manakala mengutamakan nama-nama bon yang berkualiti.

Dana Ekuiti Allianz Life

- 10 Jadual Perbandingan Prestasi
- 10 Peruntukan Portfolio Mengikut Kategori Pelaburan
- 12 Peruntukan Portfolio Ekuiti Mengikut Sektor
- 12 Peruntukan Portfolio
- 13 Prestasi Dana Ekuiti Allianz Life Berbanding Dengan Penanda Aras Sejak Pelancarannya
- 14 Penyata Aset dan Liabiliti
- 15 Penyata Perubahan dalam Nilai Aset Bersih
- 16 Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan



Imbas kod QR ini bagi versi digital Laporan Prestasi Dana yang terdapat di laman web korporat kami.

Jadual Perbandingan Prestasi

	TK2019	TK2020	TK2021	TK2022	TK2023
DANA EKUITI ALLIANZ LIFE					
Nilai Aset Bersih (NAV) (RM/unit)	4.924	4.787	4.976	5.061	5.276
Unit dalam Edaran	64,884,012	79,259,207	92,569,170	104,927,367	115,090,879
Jumlah NAV (RM)	318,137,537	377,760,235	458,488,760	528,832,133	604,531,440
NAV Tertinggi (RM/unit)	5.143	4.984	5.220	5.174	5.277
NAV Terendah (RM/unit)	4.744	3.420	4.659	4.703	4.863
Jumlah Pulangan Tahunan (%)	3.10	(2.78)	3.95	1.71	4.25
Penanda Aras: Indeks FTSE Bursa Malaysia 100 Teratas (%)	(2.88)	3.49	(4.23)	(5.40)	0.63
PECAHAN PULANGAN TAHUNAN DANA					
Pertumbuhan Modal (%)	2.67	(1.05)	3.81	1.36	3.71
Agihan Pendapatan (%)	0.43	(1.73)	0.14	0.35	0.54

Peruntukan Portfolio Mengikut Kategori Pelaburan

	TK2019	TK2020	TK2021	TK2022	TK2023
DANA EKUITI ALLIANZ LIFE					
Pelaburan dalam:					
Dana Induk ASEAN Plus	1.29%	1.34%	1.33%	1.20%	1.50%
Dana Induk Ekuiti	84.74%	88.99%	83.35%	74.06%	81.72%
Ekuiti	0.00%	0.00%	3.71%	8.64%	4.76%
Amanah Saham	1.74%	1.55%	1.43%	1.11%	0.88%
Tunai & Deposit	12.23%	8.12%	10.18%	14.99%	11.14%

	Satu-Tahun (Jan 23 - Dis 23)	Tiga-Tahun (Jan 21 - Dis 23)	Lima-Tahun (Jan 19 - Dis 23)
PULANGAN TAHUNAN PURATA			
Pulangan Tahunan Purata Dana	4.25%	3.30%	2.01%
Pulangan Tahunan Purata Penanda Aras	0.63%	(3.04%)	(1.73%)

Peruntukan Portfolio Mengikut Kategori Pelaburan

Objektif dan Strategi Pelaburan

Dana Pelaburan terbuka yang bertujuan untuk memberikan tambah nilai modal jangka sederhana hingga panjang dengan melabur dalam ekuiti dan sekuriti berkaitan dengan ekuiti.

Tiada sebarang perubahan dalam objektif, sekatan dan batasan pelaburan sepanjang tahun kewangan.

Bagi tahun 2024, kami mengekalkan kegigihan mengawasi pelbagai faktor luaran dan dalaman yang boleh menghindari prospek pertumbuhan ekonomi Malaysia. Faktor-faktor ini termasuk, tetapi tidak terhad kepada peningkatan risiko geopolitik yang mungkin menyebabkan pertumbuhan global tergendala, kadar inflasi global tinggi berterusan yang mungkin menyebabkan pengetatan tegas dasar monetari bank pusat, tempoh berpanjangan dasar monetari ketat dan/atau kemungkinan kemerosotan pemulihan ekonomi China yang menjadi negara pemacu penting pertumbuhan global. Berbalik kepada Malaysia, Bank Negara Malaysia (BNM) mengunjurkan bahawa pertumbuhan tahun ke tahun KDNK Malaysia tahun 2024 berada pada +4.0-5.0%, diperkukuh oleh permintaan domestik yang berdaya tahan ke atas pertumbuhan pekerjaan dan upah yang berterusan dan pemulihan sektor teknologi dan pelancongan. Dari sudut pandangan politik, tumpuan kekal kepada penyampaian dasar-dasar kerajaan pada tahun 2024.

Bagi kelas aset ekuiti, pendekatan pelaburan berterusan tertumpu kepada pelaburan kukuh secara asasnya sepanjang tempoh jangka panjang. Sehubungan dengan itu, kami juga kadangkala terlibat dalam pengukuran pelbagai aktiviti perdagangan untuk memanfaatkan ketaktentuan pasaran yang memberikan kelebihan kepada kami.

Agihan Pendapatan

Tiada sebarang pengagihan dibuat atau dicadangkan sepanjang tahun kewangan.

Caj Pengurusan Dana

Caj pengurusan dana sebanyak 1.44% dikenakan ke atas dana.


Peruntukan Portfolio Ekuiti Mengikut Sektor

	TK2019	TK2020	TK2021	TK2022	TK2023
DANA EKUITI ALLIANZ LIFE					
Produk & Perkhidmatan Pengguna	0.00%	0.00%	44.21%	19.68%	43.81%
Perkhidmatan Kewangan	0.00%	0.00%	55.79%	70.91%	47.31%
Pengangkutan & Logistik	0.00%	0.00%	0.00%	9.41%	8.88%

Peruntukan Portfolio

	Jumlah Unit Dipegang	Kos RM'000	Nilai Pasaran RM'000	Peratusan Nilai Aset Bersih %
DANA EKUITI ALLIANZ LIFE				
PELABURAN:				
PELABURAN DALAM DANA INDUK ASEAN PLUS	10,890,890	7,244.30	9,072.11	1.50
PELABURAN DALAM DANA INDUK EKUITI	171,784,394	414,688.30	494,051.92	81.72
ASET ASING: EKUITI				
PRODUK & PERKHIDMATAN PENGGUNA				
AZTECH GLOBAL LTD	3,889,900	13,454.01	12,611.65	2.09
PERKHIDMATAN KEWANGAN				
DBS GROUP HOLDINGS LTD	30,200	3,114.20	3,517.50	0.58
OVERSEA-CHINESE BANKING CORP LTD	222,900	8,451.94	10,101.92	1.67
PENGANGKUTAN & LOGISTIK				
COMFORTDELGRO CORP LTD	523,900	2,390.43	2,556.98	0.42
ASET ASING: UNIT AMANAH SAHAM				
RDPT MANDIRI INFRASTRUKTUR EKUITAS	15,751,466	5,068.83	5,289.66	0.88
DEPOSIT TETAP/PASARAN KEWANGAN				
CIMB BANK BERHAD	49,866,632	49,866.63	49,866.63	8.25
HONG LEONG BANK BERHAD	15,300,000	15,300.00	15,300.00	2.53

Prestasi Dana Ekuiti Allianz Life Berbanding Dengan Penanda Aras Sejak Pelancarannya



Penyata Aset dan Liabiliti

pada 31 Disember 2023

	2023 RM'000	2022 RM'000
DANA EKUITI ALLIANZ LIFE		
ASET		
Pelaburan		
Pelaburan dalam Dana Induk ASEAN Plus	9,072	6,352
Pelaburan dalam Dana Induk Ekuiti	494,052	391,656
Aset Asing	34,078	51,568
Deposit tetap/pasaran kewangan	65,167	69,414
Tunai dan baki bank	1,985	8,595
Faedah dan dividen belum terima	20	25
Lain-lain belum terima	650	2,741
Aset cukai tertunda	-	22
JUMLAH ASET	605,024	530,373
LIABILITI		
Liabiliti cukai tertunda	128	-
Manfaat dan tuntutan liabiliti	365	718
Lain-lain belum bayar	-	823
JUMLAH LIABILITI	493	1,541
NILAI ASET BERSIH DANA	604,531	528,832
DIWAKILI OLEH:		
Modal pemegang polisi	521,916	470,264
Perolehan tertahan	82,615	58,568
	604,531	528,832
Nilai Aset Bersih Seunit (RM)	5.276	5.061

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian penting daripada penyata-penyata kewangan ini.

Penyata Perubahan dalam Nilai Aset Bersih

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023

	Modal Pemegang Polisi RM'000	Perolehan Tertahan RM'000	Jumlah RM'000
DANA EKUITI ALLIANZ LIFE			
Pada 1 Januari 2022	408,916	49,573	458,489
Penciptaan unit sepanjang tahun semasa	81,304	-	81,304
Pembatalan unit sepanjang tahun semasa	(19,956)	-	(19,956)
Keuntungan bagi tahun	-	8,995	8,995
Pada 31 Disember 2022/1 Januari 2023	470,264	58,568	528,832
Penciptaan unit sepanjang tahun semasa	77,354	-	77,354
Pembatalan unit sepanjang tahun semasa	(25,702)	-	(25,702)
Keuntungan bagi tahun	-	24,047	24,047
Pada 31 Disember 2023	521,916	82,615	604,531

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian penting daripada penyata-penyata kewangan ini.

Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023

	2023 RM'000	2022 RM'000
DANA EKUITI ALLIANZ LIFE		
PENDAPATAN PELABURAN BERSIH		
Pendapatan faedah	1,808	927
Pendapatan dividen	2,200	2,427
Keuntungan bersih direalisasi ke atas pelupusan pelaburan	2,236	4,443
Keuntungan tidak direalisasi dalam nilai pelaburan	24,537	6,512
Keuntungan tidak direalisasi ke atas tukaran asing disebabkan oleh pelaburan	1,379	1,895
Lain-lain pendapatan	469	283
	32,629	16,487
DITOLAK: PERBELANJAAN		
Yuran pengurusan	(7,920)	(7,058)
KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI	24,709	9,429
PERBELANJAAN CUKAI	(662)	(434)
KEUNTUNGAN BAGI TAHUN	24,047	8,995
Perolehan tertahan dibawa ke hadapan	58,568	49,573
Perolehan tertahan dihantar ke hadapan	82,615	58,568

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian penting daripada penyata-penyata kewangan ini.

Dana Terurus Allianz Life

- 18 Jadual Perbandingan Prestasi
- 18 Peruntukan Portfolio Mengikut Kategori Pelaburan
- 20 Peruntukan Portfolio Ekuiti Mengikut Sektor
- 20 Peruntukan Portfolio
- 21 Prestasi Dana Terurus Allianz Life Berbanding Dengan Penanda Aras Sejak Pelancarannya
- 22 Penyata Aset dan Liabiliti
- 23 Penyata Perubahan dalam Nilai Aset Bersih
- 24 Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan



Imbas kod QR ini bagi versi digital Laporan Prestasi Dana yang terdapat di laman web korporat kami.

Jadual Perbandingan Prestasi

	TK2019	TK2020	TK2021	TK2022	TK2023
DANA TERURUS ALLIANZ LIFE					
Nilai Aset Bersih (NAV) (RM/unit)	5.184	5.217	5.305	5.362	5.591
Unit dalam Edaran	206,180,784	252,156,554	302,970,112	354,089,838	402,253,753
Jumlah NAV (RM)	1,066,690,298	1,312,318,514	1,603,196,390	1,894,282,621	2,243,729,001
NAV Tertinggi (RM/unit)	5.242	5.292	5.426	5.391	5.591
NAV Terendah (RM/unit)	4.955	4.397	5.115	5.126	5.317
Jumlah Pulangan Tahunan (%)	4.35	0.64	1.69	1.07	4.27
Penanda Aras: 50% Indeks FTSE Bursa Malaysia 100 Teratas & 50% Kadar FD 12-bulan Maybank (%)	0.21	3.36	(1.12)	(1.48)	1.80
PECAHAN PULANGAN TAHUNAN DANA					
Pertumbuhan Modal (%)	3.99	0.57	1.59	0.87	3.91
Agihan Pendapatan (%)	0.36	0.07	0.10	0.20	0.36

Peruntukan Portfolio Mengikut Kategori Pelaburan

	TK2019	TK2020	TK2021	TK2022	TK2023
DANA TERURUS ALLIANZ LIFE					
Pelaburan dalam:					
Dana Induk Bon	46.04%	43.37%	43.09%	38.66%	48.67%
Dana Induk Ekuiti	43.50%	49.31%	46.50%	40.13%	42.06%
Ekuiti	0.00%	0.00%	1.41%	4.27%	2.09%
Amanah Saham	0.93%	0.80%	0.74%	0.56%	0.42%
Tunai & Deposit	9.53%	6.52%	8.26%	16.38%	6.76%

	Satu-Tahun (Jan 23 - Dis 23)	Tiga-Tahun (Jan 23 - Dis 23)	Lima-Tahun (Jan 19 - Dis 23)
PULANGAN TAHUNAN PURATA			
Pulangan Tahunan Purata Dana	4.27%	2.33%	2.39%
Pulangan Tahunan Purata Penanda Aras	1.80%	(0.28%)	0.53%

Peruntukan Portfolio Mengikut Kategori Pelaburan

Objektif dan Strategi Pelaburan

Dana pelaburan terbuka yang bertujuan untuk memberikan tambah nilai modal jangka panjang dengan melabur dalam ekuiti pelbagai dan sekuriti berkaitan-ekuiti, sekuriti pendapatan tetap dan pelbagai pasaran kewangan.

Tiada sebarang perubahan dalam objektif, sekatan dan batasan pelaburan sepanjang tahun kewangan.

Bagi tahun 2024, kami gigih melihat pelbagai faktor luaran dan dalaman yang boleh menghindari prospek pertumbuhan ekonomi Malaysia. Faktor-faktor ini termasuk, tetapi tidak terhad kepada peningkatan risiko geopolitik yang mungkin menyebabkan pertumbuhan global tergendala, kadar inflasi global tinggi berterusan yang mungkin menyebabkan pengetatan tegas dasar monetari bank pusat, tempoh berpanjangan dasar monetari ketat dan/atau kemungkinan kemerosotan pemulihan ekonomi China yang menjadi negarapemacu penting pertumbuhan global. Berbalik kepada Malaysia, Bank Negara Malaysia (BNM) mengunjurkan bahawa pertumbuhan tahun ke tahun KDNK Malaysia tahun 2024 berada pada +4.0-5.0%, diperkukuh oleh permintaan domestik yang berdaya tahan ke atas pertumbuhan pekerjaan dan upah yang berterusan dan pemulihan sektor teknologi dan pelancongan. Dari sudut pandangan politik, tumpuan kekal kepada penyampaian dasar-dasar kerajaan pada tahun 2024.

Bagi kelas aset ekuiti, pendekatan pelaburan berterusan tertumpu kepada pelaburan kukuh secara asasnya sepanjang tempoh jangka panjang. Sehubungan dengan itu, kami juga kadangkala terlibat dalam pengukuran pelbagai aktiviti perdagangan untuk memanfaatkan ketaktentuan pasaran yang memberikan kelebihan kepada kami.

Bagi pendapatan tetap, ketaktentuan pasaran bon akan berterusan tetapi pada tahap yang berkurang pada tahun 2024. Terdapat jangkaan sokongan positif untuk bon tentang Rizab Persekutuan memberikan isyarat bahawa ia telah mencapai kadar akhir puncak di AS tetapi masa pemotongan pertama juga akan bergantung kepada kadar inflasi dan keadaan pasaran pekerjaan yang memperlambatkan ekoran daripada AS, antara faktor lain. Pada peringkat tempatan, kenyataan Jawatankuasa Dasar Monetari Januari 2024 menyetujui bahawa inflasi tahun 2024 dijangka kekal menyederhana. Bagaimanapun, risiko kepada tinjauan inflasi kekal tertakluk kepada perubahan kepada dasar domestik terhadap subsidi dan kawalan harga serta harga komoditi global dan perkembangan pasaran kewangan. Kami akan terus mengumpul bon-bon pada penilaian yang memuaskan manakala mengutamakan nama-nama berkualiti tinggi.

Agihan Pendapatan

Tiada sebarang pengagihan dibuat atau dicadangkan sepanjang tahun kewangan.

Caj Pengurusan Dana

Caj pengurusan dana sebanyak 1.22% dikenakan pada dana.


Peruntukan Portfolio Ekuiti Mengikut Sektor

	TK2019	TK2020	TK2021	TK2022	TK2023
DANA TERURUS ALLIANZ LIFE					
Produk & Perkhidmatan Pengguna	0.00%	0.00%	34.17%	12.24%	32.81%
Perkhidmatan Kewangan	0.00%	0.00%	65.83%	76.29%	55.19%
Pengangkutan & Logistik	0.00%	0.00%	0.00%	11.47%	12.00%

Peruntukan Portfolio

	Jumlah Unit Dipegang	Kos RM'000	Nilai Pasaran RM'000	Peratusan Nilai Aset Bersih %
DANA TERURUS ALLIANZ LIFE				
PELABURAN:				
ALLIANZ LIFE DANA INDUK BON	569,659,158	906,894.24	1,092,036.61	48.67
ALLIANZ LIFE DANA INDUK EKUITI	328,097,122	820,919.55	943,607.32	42.06
ASET ASING: EKUITI				
PRODUK & PERKHIDMATAN PENGGUNA				
AZTECH GLOBAL LTD	4,737,800	15,819.71	15,360.67	0.68
PERKHIDMATAN KEWANGAN				
DBS GROUP HOLDINGS LTD	70,600	7,288.25	8,223.03	0.37
OVERSEA-CHINESE BANKING CORP LTD	388,800	14,766.32	17,620.58	0.79
PENGANGKUTAN & LOGISTIK				
COMFORTDELGRO CORP LTD	1,151,400	5,245.53	5,619.59	0.25
ASET ASING: AMANAH SAHAM				
RDPT MANDIRI INFRASTRUKTUR EKUITAS	28,343,084	9,120.82	9,518.18	0.42
DEPOSIT TETAP/PASARAN KEWANGAN				
CIMB BANK BERHAD	60,000,000	60,000.00	60,000.00	2.67
HONG LEONG BANK BERHAD	41,403,403	41,403.40	41,403.40	1.85
PUBLIC BANK BERHAD	37,000,000	37,000.00	37,000.00	1.65

Prestasi Dana Terurus Allianz Life Berbanding Dengan Penanda Aras Sejak Pelancarannya



Penyata Aset dan Liabiliti

pada 31 Disember 2023

	2023 RM'000	2022 RM'000
DANA TERURUS ALLIANZ LIFE		
ASET		
Pelaburan		
Pelaburan dalam Dana Induk Bon	1,092,037	732,327
Pelaburan dalam Dana Induk Ekuiti	943,607	760,170
Aset Asing	56,342	91,460
Deposit tetap/pasaran kewangan	138,403	277,127
Tunai dan baki bank	6,913	23,065
Faedah dan dividen belum terima	2,823	482
Lain-lain belum terima	5,920	13,146
JUMLAH ASET	2,246,045	1,897,777
LIABILITI		
Liabiliti cukai tertunda	328	121
Manfaat dan tuntutan liabiliti	1,895	2,228
Lain-lain belum bayar	93	1,145
JUMLAH LIABILITI	2,316	3,494
NILAI ASET BERSIH DANA	2,243,729	1,894,283
DIWAKILI OLEH:		
Modal pemegang polisi	1,991,794	1,729,815
Perolehan tertahan	251,935	164,468
	2,243,729	1,894,283
Nilai Aset Bersih Seunit (RM)	5.591	5.362

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian penting daripada penyata-penyata kewangan ini.

Penyata Perubahan dalam Nilai Aset Bersih

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023

	Modal Pemegang Polisi RM'000	Perolehan Tertahan RM'000	Jumlah RM'000
DANA TERURUS ALLIANZ LIFE			
Pada 1 Januari 2022	1,459,948	143,249	1,603,197
Penciptaan unit sepanjang tahun semasa	337,585	-	337,585
Pembatalan unit sepanjang tahun semasa	(67,718)	-	(67,718)
Keuntungan bagi tahun	-	21,219	21,219
Pada 31 Disember 2022/1 Januari 2023	1,729,815	164,468	1,894,283
Penciptaan unit sepanjang tahun semasa	352,218	-	352,218
Pembatalan unit sepanjang tahun semasa	(90,239)	-	(90,239)
Keuntungan bagi tahun	-	87,467	87,467
Pada 31 Disember 2023	1,991,794	251,935	2,243,729

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian penting daripada penyata-penyata kewangan ini.

Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023

	2023 RM'000	2022 RM'000
DANA TERURUS ALLIANZ LIFE		
PENDAPATAN PELABURAN BERSIH		
Pendapatan faedah	5,269	4,026
Pendapatan dividen	3,862	3,961
Keuntungan direalisasi ke atas pelupusan pelaburan	3,982	6,764
Keuntungan tidak direalisasi dalam nilai pelaburan	97,436	24,862
Keuntungan tidak direalisasi ke atas tukaran asing disebabkan oleh pelaburan	1,891	3,081
Lain-lain pendapatan	1,201	827
	113,641	43,521
DITOLAK: PERBELANJAAN		
Yuran pengurusan	(24,897)	(21,397)
KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI	88,744	22,124
PERBELANJAAN CUKAI	(1,277)	(905)
KEUNTUNGAN BAGI TAHUN	87,467	21,219
Perolehan tertahan dibawa ke hadapan	164,468	143,249
Perolehan tertahan dihantar ke hadapan	251,935	164,468

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian penting daripada penyata-penyata kewangan ini.

Dana Pertumbuhan Dinamik Allianz Life

26	Jadual Perbandingan Prestasi
26	Peruntukan Portfolio Mengikut Kategori Pelaburan
Negara China, tanpa diragukan lagi, sedang berhadapan dengan cabaran pertumbuhan ekonomi. Perbelanjaan pengguna yang lemah dan tindakan keras terhadap sektor hartanah terutamanya, terus membebani aktiviti ekonomi. Manakala terdapat beberapa isu struktur nyata yang menjadi punca kelemahan ekonomi, pada pandangan kami terdapat juga faktor kitaran yang berlaku, sedikit sebanyak dapat dikurangkan oleh sokongan dasar kerajaan. Dalam beberapa bulan yang lepas, kami memperhatikan bahawa kerajaan negara ini telah meningkatkan sokongan dasar. Satu pengumuman penting telah dibuat pada bulan lepas sebagai contoh, apabila badan perundangan tertinggi negara China meluluskan tambahan bon kerajaan pusat bernilai RMB 1 trillion (kira-kira USD130 bilion/ RM620 bilion) untuk membiayai projek infrastruktur yang dianggarkan akan menambah hampir 0.8% kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Statistik utama lain yang diperhatikan pada bulan-bulan akan datang ialah sasaran rasmi KDNK negara China. Sasaran bagi tahun 2023 ialah "sekitar 5%." Memandangkan sasaran KDNK tahunan China tidak pernah berganjak lebih daripada 0.5% dari tahun ke tahun, kemungkinan sasaran tahun 2024 diunjurkan antara 4.5% dan 5%. Meskipun sasaran pertumbuhan ekonomi rasmi tidak akan didedahkan sehingga bulan Mac, dari segi amalan kami seharusnya memperoleh penunjuk yang baik sebelum itu kerana setiap wilayah di negara tersebut mengumumkan sasaran pertumbuhan masing-masing pada bulan Januari dan Februari. Pertumbuhan ekonomi negara China jarang terlepas daripada mencapai unjuran sasaran yang ditetapkan. Namun hal ini berlaku pada tahun 2022 disebabkan oleh Covid, dan penggubal dasar berazam, sepertimana yang berlaku pada tahun lepas, untuk menentukan agar hal ini tidak berulang. Bagaimanapun, dengan kelembapan sektor hartanah yang berterusan, sentimen pengguna dan perniagaan yang lemah, pertumbuhan tahun ini sudah tentu akan memperlakan dengan mendadak tanpa keseimbangan dasar. Oleh itu, kemungkinan besar perlu ada peningkatan sokongan dasar pada tahun akan datang. Setakat penghujung tahun, nisbah Harga kepada Perolehan (PE) hadapan pasaran A China pada masa ini adalah kira-kira 11.3x dan luar pesisir China pada 10.5x, kedua-duanya hampir kepada paras rendah jangka panjang. Manakala penilaian pasaran merosot, justeru, memberikan sedikit sokongan kepada kesan negatif, kemungkinan peningkatan keyakinan terhadap tinjauan ekonomi perlu dikembalikan sebagai langkah awal yang utama bagi kemajuan pasaran yang lebih bermakna. Hal ini penting dalam pemfokusan semula pasaran pada aras asas saham. Dari segi jangka panjang adalah jelas bahawa negara China berada di persimpangan ekonomi yang strategik – dari satu sudut pandangan, negara ini perlu mengurangkan kebergantungan kepada pemacu pertumbuhan terdahulu yang memerlukan faktor keumpulan penting (sebagai contoh, hartanah dan infrastruktur), dan dari sudut pandangan yang lain, negara China perlu mencari pertumbuhan penggantian daripada pelbagai sektor lain. Pada pandangan kami, ini akan lebih menonjol dalam pelbagai industri "kredit rendah-inovasi tinggi" seperti perindustrian automasi, robotik, teknologi hijau, kenderaan elektrik, pemanduan autonomi, tenaga boleh diperbaharui, perisian dan sebagainya.

Agihan Pendapatan

Tiada sebarang pengagihan dibuat atau dicadangkan sepanjang tahun kewangan.


Caj Pengurusan Dana

Caj pengurusan dana sebanyak 1.50% dikenakan ke atas Dana ini.

Peruntukan Portfolio

	Jumlah unit dipegang	Kos RM'000	Nilai Pasaran RM'000	Peratusan Nilai Aset Bersih %
DANA EKUITI ALL CHINA ALLIANZ LIFE (USD)				
ASET ASING:				
Allianz All China Ekuiti (USD)	20,691	951.00	838.00	95.73

Prestasi Dana Ekuiti All China Allianz Life (USD) Berbanding Dengan Penanda Aras Sejak Pelancarannya



Penyata Aset dan Liabiliti

pada 31 Disember 2023

	2023 RM'000
DANA EKUITI ALL CHINA ALLIANZ LIFE (USD)	
ASET	
Pelaburan	
Aset Asing	838
Tunai dan baki bank	17
Lain-lain belum terima	13
Aset cukai tertunda	9
JUMLAH ASET	877
LIABILITIES	
Lain-lain belum bayar	2
JUMLAH LIABILITI	2
NILAI ASET BERSIH DANA	875
DIWAKILI OLEH:	
Modal pemegang polisi	997
Kerugian terkumpul	(122)
	875
Nilai Aset Bersih Seunit (RM)	3.948

Penyata Perubahan dalam Nilai Aset Bersih

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023

	Modal Pemegang Polisi RM'000	Kerugian Terkumpul RM'000	Jumlah RM'000
DANA EKUITI ALL CHINA ALLIANZ LIFE (USD)			
Pada 1 Januari 2023	-	-	-
Penciptaan unit sepanjang tahun semasa	997	-	997
Kerugian bagi tahun	-	(122)	(122)
Pada 31 Disember 2023	997	(122)	875

Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023

	2023 RM'000
DANA EKUITI ALL CHINA ALLIANZ LIFE (USD)	
PENDAPATAN PELABURAN BERSIH	
Pendapatan dividen	6
Kerugian tidak direalisasi dalam nilai pelaburan	(114)
	(108)
DITOLAK: PERBELANJAAN	
Yuran pengurusan	(16)
Kerugian tukaran asing	(7)
KERUGIAN SEBELUM CUKAI	(131)
PENDAPATAN CUKAI	9
KERUGIAN BAGI TAHUN	(122)
Kerugian terkumpul dihantar ke hadapan	(122)

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian penting daripada penyata-penyata kewangan ini.

Dana Kepintaran Buatan Global Allianz Life (USD)

- 215 Jadual Perbandingan Prestasi
- 215 Peruntukan Portfolio Mengikut Kategori Pelaburan
- 217 Peruntukan Portfolio
- 218 Prestasi Dana Kepintaran Global Allianz Life (USD) Berbanding Dengan Penanda Aras Sejak Pelancarannya
- 219 Penyata Aset dan Liabiliti
- 220 Perubahan dalam Nilai Aset Bersih
- 220 Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan



Imbas kod QR ini bagi versi digital Laporan Prestasi Dana yang terdapat di laman web korporat kami.

Jadual Perbandingan Prestasi

	TK2023
DANA KEPINTARAN BUATAN GLOBAL ALLIANZ LIFE (USD)	
Nilai Aset Bersih (NAV) (RM/unit)	1.059
Unit dalam Edaran	1,223,551
Jumlah NAV (RM)	1,294,986
NAV Tertinggi (RM/unit)	1.059
NAV Terendah (RM/unit)	0.856
Jumlah Pulangan Tahunan (%)	5.90
Penanda Aras: 50% MSCI Seluruh Negara Dunia; 50% Dunia MSCI IT (%)	8.77
PECAHAN PULANGAN TAHUNAN DANA	
Pertumbuhan Modal (%)	5.60
Agihan Pendapatan (%)	0.30

* Dana Kepintaran Global Allianz Life (USD) dilancarkan pada 5 Julai 2023.

Peruntukan Portfolio Mengikut Kategori Pelaburan

	TK2023
DANA KEPINTARAN BUATAN GLOBAL ALLIANZ LIFE (USD)	
Pelaburan dalam :	
Allianz Global Artificial Intelligence (USD)	95.33%
Tunai & Deposit	4.67%

* Bagi sebarang maklumat tentang Peruntukan Portfolio Kepintaran Buatan Global Allianz (USD), sila rujuk <https://sg.allianzgi.com/>

	Sejak Pelancaran (Ditahunkan)
PURATA PULANGAN TAHUNAN	
Purata Pulangan Tahunan Dana	5.90%
Penanda Aras Purata Pulangan Tahunan	8.77%

Peruntukan Portfolio Mengikuti Kategori Pelaburan

Objektif dan Strategi Pelaburan

Dana Kepintaran Buatan Global Allianz Life (USD) "Dana" bertujuan untuk memberikan pertumbuhan modal jangka panjang dengan melabur dalam pasaran ekuiti global dengan memfokus kepada evolusi kepintaran buatan.

Dana ini ialah dana pembekal yang bertujuan untuk mencapai objektif dengan melabur dalam dana sandaran yang dikenali sebagai Allianz Global Artificial Intelligence ("Dana Sasaran ") yang kemudiannya melabur dalam pasaran ekuiti global dengan memfokus kepada evolusi kepintaran buatan.

Tiada sebarang perubahan dalam objektif, strategi, sekatan dan batasan pelaburan sepanjang tahun kewangan.

Tinjauan dan Strategi Dana Sasaran

Kami percaya bahawa pemulihan pasaran ekuiti pada tahun 2023 akan berlanjutan ke tahun 2024. Selama beberapa bulan yang lepas pada tahun 2023, pasaran ekuiti AS telah menunjukkan tanda-tanda peluasan melepasi Magnificent 7 (portfolio tujuh saham luar biasa syarikat teknologi gergasi AS) apabila kadar faedah kelihatan berada pada laluan lebih rendah dengan kemungkinan pendaratan lembut. Pada mesyuarat Jawatankuasa Pasaran Terbuka Persekutuan (FOMC) Disember 2023, Rizab Persekutuan AS (Fed) mengekalkan kadar faedah stabil dan memberikan isyarat pemetongan kadar berganda mungkin berlaku pada tahun 2024 dan 2025 memandangkan kadar berada sama ada pada paras kemuncak atau menghampiri paras kemuncak dengan paras inflasi yang baik dan data pekerjaan yang menyederhana.

Latar belakang persekitaran bagi penormalan dasar monetari seharusnya menjadi kondusif untuk pemulihan ekonomi dan pertumbuhan untuk kembali mempesat dengan tahun 2024 terus berlalu. Latar belakang persekitaran ekonomi memperlambatkan disebabkan oleh kadar faedah lebih tinggi telah membebani sesetengah sektor dan industri. Kadar faedah yang lebih rendah dan keadaan kewangan yang lebih memudahkan seharusnya diterjemah kepada permintaan yang lebih baik, akses kepada modal yang lebih mudah dan pelaburan meningkat dalam pelbagai projek pulangan ke atas pelaburan seperti AI.

Kami juga berpandangan bahawa saham-saham kecil hingga sederhana berpotensi untuk mengatasi prestasi saham-saham permodalan besar pada tahun 2024 memandangkan prestasi luar biasa dalam sejarah ketika fasa pemulihan dan pulangan agak rendah selama beberapa tahun yang lalu. Walaupun terdapat lebih banyak ketaktentuan pada masa hadapan, saham-saham bermodal lebih kecil mungkin jauh daripada pemulihan kerana pada pendapat kami, unjuran telah menyerap lebih ketidaktentuan masa hadapan. Pertumbuhan perolehan kelihatan bersedia untuk kembali mempesat pada tahun 2024 di lebih banyak sektor yang seharusnya menyokong pengembangan berterusan pasaran. Mungkin berlaku beberapa kejatuhan di sepanjang laluan, dan pasaran dijangka mengalami jeda jangka pendek selepas pengukuhan baru-baru ini, namun terdapat beberapa sebab untuk berpandangan optimistik bagi tahun 2024.

Impak AI kepada setiap industri mula dirasai, dan kami melihat peluang berkembang melepasi 7 saham luar biasa dan sektor teknologi. ChatGPT dan penggunaan awal kes AI generatif telah membuktikan bahawa pelbagai kejayaan ini dapat benar-benar meningkatkan kecekapan dan memacu gelombang baharu automasi. Kami kemungkinan berada pada permulaan kitaran pelaburan AI jangka panjang yang akan memberikan implikasi pertumbuhan yang ketara di seluruh rantai dan di setiap sektor ekonomi.

Infrastruktur AI: Perkembangan berkisarkan AI generatif dan pelbagai model bahasa yang besar menunjukkan bahawa permintaan bagi syarikat-syarikat infrastruktur AI seharusnya kekal kukuh, mengambil kira keperluan pengkomputeran bagi latihan model AI kompleks dan inferens seterusnya bagi kepintaran pinggir. Lebih banyak syarikat kini terdorong untuk membangunkan keupayaan AI generatif khusus domain melalui latihan dan usaha penghalusan berterusan. Memandangkan pelbagai pelancaran ini bagi penggunaan berasas meluas, permintaan juga berkembang kepada infrastruktur jaringan dan simpanan untuk menyokong pertumbuhan ledakan dalam beban kerja AI baharu. Pelaburan juga kelihatan berkembang kepada pelbagai penyedia awan yang lebih kecil, kerajaan dan syarikat korporat dalam lebih banyak negara di seluruh dunia yang seharusnya menyokong perkembangan infrastruktur AI kritikal pada tahun-tahun akan datang.

Peruntukan Portfolio Mengikut Kategori Pelaburan

Aplikasi AI: Gelombang aplikasi AI baharu muncul menerapkan keupayaan AI ke dalam perisian untuk memacu nilai yang lebih tinggi dan mewujudkan lebih banyak peluang pengewangan. Model-model AI tujuan umum pada hari ini dilatih di internet, dan dapat memberikan respons kepada pelbagai soalan berdasarkan pengetahuan atau data bermilik disimpan secara persendirian dalam sesebuah organisasi. Banyak syarikat internet dan syarikat perisian kaya dengan pelbagai set data bermilik dan aliran kerja untuk melatih model-model AI yang dapat menghasilkan era baharu aplikasi dan sistem yang lebih pintar, serta membuka pelbagai peluang baharu bagi pengewangan dan nilai.

Industri pemboleh daya AI: AI membantu untuk mencipta semula transformasi digital dengan memperkenalkan pelbagai kemungkinan AI generatif baharu yang dapat meningkatkan produktiviti dengan ketara dan mengurangkan kos. Apabila lebih banyak proses beralih ke digital, peluang bagi AI untuk memberikan reaksi terhadap maklumat atau perubahan tidak dijangka dapat merevolusikan setiap industri. Banyak syarikat dalam Industri pemboleh AI meningkatkan pelaburan dalam AI generatif untuk melatih model industri khusus sendiri mengenai kandungan atau pengetahuan milik untuk bersaing dengan lebih baik dan berinovasi pada masa hadapan. Kami menyaksikan peningkatan bilangan syarikat merentas sektor-sektor automotif, pengguna, penjagaan kesihatan dan kewangan memanfaatkan set data bermilik yang dapat menghasilkan model-model AI dan aplikasi-aplikasi yang sukar direplikakan dan dapat mengendalikan pelbagai tugas lebih baik daripada AI tujuan am. Kami percaya bahawa ini hanya sebahagian kecil daripada yang sebenarnya berasa selesai dengan potensi AI untuk memacu kecekapan dan automasi yang lebih tinggi merentas setiap bahagian perniagaan mereka.

Pada keseluruhannya, kami terus percaya bahawa kami berada pada peringkat awal perubahan teknologi pengganggu besar yang dibawakan oleh kemajuan – dan penggunaan – AI. Kami percaya bahawa pelbagai perubahan ini akan memacu pertumbuhan bermakna bagi syarikat-syarikat yang dapat mengambil kesempatan dan memacu pengganggu dalam industri masing-masing. Kami berpandangan bahawa kesan pengkompaunan daripada pengganggu AI akan mewujudkan pelbagai peluang besar bagi syarikat-syarikat inovatif merentas setiap sector. Pemilihan saham menjadi penting untuk memperoleh manfaat daripada peluang-peluang ini terutamanya dalam persekitaran dicirikan oleh pengganggu dan perubahan. Seperti yang telah kami laksanakan sejak pelancaran strategi ini, kami kekal memfokus kepada pengenalpastian syarikat-syarikat yang memanfaatkan AI untuk menghasilkan penciptaan nilai jangka panjang kebanyakan pemegang saham. Berbanding dengan inovasi teknologi di hadapan kita, kemanusiaan masih berada pada peringkat awal perjalanan revolusi AI.

Agihan Pendapatan

Tiada agihan dibuat atau dicadangkan sepanjang tahun kewangan.


Caj Pengurusan Dana

Caj pengurusan dana sebanyak 1.50% dikenakan ke atas dana.

Peruntukan Portfolio

	Jumlah Unit Dipegang	Kos RM'000	Nilai Pasaran RM'000	Peratusan Nilai Aset Bersih %
DANA KEPINTARAN BUATAN GLOBAL ALLIANZ LIFE (USD)				
ASET ASING:				
ALLIANZ GLOBAL ARTIFICIAL INTELLIGENCE (USD)	48,706	5,124.00	5,678.00	95.33

Prestasi Dana Kepintaran Global Allianz Life (USD) Berbanding Dengan Penanda Aras Sejak Pelancarannya



Penyata Aset dan Liabiliti

pada 31 Disember 2023

	2023 RM'000
DANA KEPINTARAN BUATAN GLOBAL (USD)	
ASET	
Pelaburan	
Aset Asing	5,678
Tunai dan baki bank	254
Lain-lain belum terima	69
JUMLAH ASET	6,001
LIABILITI	
Liabiliti cukai tertunda	44
Lain-lain belum bayar	1
JUMLAH LIABILITI	45
NILAI ASET BERSIH DANA	5,956
DIWAKILI OLEH:	
Modal pemegang polisi	5,497
Perolehan tertahan	459
	5,956
Nilai Aset Bersih Seunit (RM)	4.868

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian penting daripada penyata-penyata kewangan ini.

Penyata Perubahan dalam Nilai Aset Bersih

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023

	Modal Pemegang Polisi RM'000	Kerugian Terkumpul RM'000	Jumlah RM'000
DANA KEPINTARAN BUATAN GLOBAL (USD)			
Pada Januari 2023	-	-	-
Penciptaan unit sepanjang tahun	5,497	-	5,497
Keuntungan bagi tahun	-	459	459
Pada 31 Disember 2023	5,497	459	5,956

Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023

	2023 RM'000
DANA KEPINTARAN BUATAN GLOBAL (USD)	
PENDAPATAN PELABURAN BERSIH	
Pendapatan dividen bersih	31
Perolehan tidak direalisasi dalam nilai pelaburan	563
Kerugian tukaran asing tidak direalisasi disebabkan oleh pelaburan	(15)
	579
DITOLAK: PERBELANJAAN	
Yuran pengurusan	(38)
Kerugian tukaran asing	(35)
KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI	506
CUKAI PERBELANJAAN	(47)
KEUNTUNGAN BAGI TAHUN	459
Perolehan tertahan dihantar ke hadapan	459

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian penting daripada penyata-penyata kewangan ini.

Dana Pendapatan Oriental Allianz Life (USD)

- 222 Jadual Perbandingan Prestasi
- 222 Peruntukan Portfolio Mengikut Kategori Pelaburan
- 224 Peruntukan Portfolio
- 225 Prestasi Dana Pendapatan Oriental Allianz Life (USD) Berbanding Dengan Penanda Aras Sejak Pelancarannya
- 226 Penyata Aset dan Liabiliti
- 227 Penyata Perubahan dalam Nilai Aset
- 227 Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan



Imbas kod QR ini bagi versi digital Laporan Prestasi Dana yang terdapat di laman web korporat kami.

Jadual Perbandingan Prestasi

	TK2023
DANA PENDAPATAN ORIENTAL ALLIANZ LIFE (USD)	
Nilai Aset Bersih (NAV) (RM/unit)	1.038
Unit dalam Edaran	1,008,411
Jumlah NAV (RM)	1,045,816
NAV Tertinggi (RM/unit)	1.038
NAV Terendah (RM/unit)	0.907
Jumlah Pulangan Tahunan (%) (Ditahunkan)	3.80
Penanda aras: Jumlah pulangan MSCI seluruh negara Asia Pasifik (Bersih) (%) (Ditahunkan)	3.33
PECAHAN PULANGAN TAHUNAN DANA	
Pertumbuhan Modal (%) (Ditahunkan)	3.45
Agihan Pendapatan (%) (Ditahunkan)	0.35

* Dana Pendapatan Oriental Allianz Life (USD) dilancarkan pada 5 Julai 2023.

Peruntukan Portfolio Mengikut Kategori Pelaburan

	TK2023
DANA PENDAPATAN ORIENTAL ALLIANZ LIFE (USD)	
Pelaburan dalam:	
Allianz Oriental Income (USD)	95.85%
Tunai & Deposit	4.15%

* Bagi sebarang maklumat tentang Peruntukan Portfolio Pendapatan Allianz Oriental (USD), sila rujuk <https://sg.allianzgi.com/>

	Sejak Pelancaran (Ditahunkan)
PULANGAN TAHUNAN PURATA	
Purata Pulangan Tahunan Dana	3.80%
Purata Pulangan Tahunan Penanda Aras	3.33%

Peruntukan Portfolio Mengikut Kategori Pelaburan

Objektif dan Strategi Pelaburan

Dana Pendapatan Oriental Allianz Life (USD) ("Dana") bertujuan untuk memberikan pertumbuhan modal jangka panjang dengan melabur dalam pasaran ekuiti dan bon Asia Pasifik.

Dana ini ialah dana pembekal yang bertujuan untuk mencapai objektif pelaburan dengan melabur dalam dana sandaran yang dikenali sebagai Allianz Oriental Income ("Dana Sasaran") yang kemudiannya melabur dalam pasaran ekuiti dan bon Asia Pasifik.

Tiada sebarang perubahan dalam objektif, strategi, sekatan dan batasan pelaburan sepanjang tahun kewangan.

Tinjauan dan Strategi mengikut Dana Sasaran

Di seluruh Asia Pasifik, kami menjangka bahawa beberapa faktor halangan makro untuk berkurang apabila kami memasuki tahun baharu. Tinjauan di negara Jepun kekal menggalakkan. Berserta dengan persekitaran makro yang bertambah baik, kami juga menjangka bahawa pembaharuan pentadbiran Bursa Saham Tokyo (TSE) seharusnya terus menyokong sentimen positif dan meningkatkan kecekapan modal dalam pemilihan saham dengan penilaian rendah. Di samping itu, meskipun sentimen saham pulih baru-baru ini, yen terus dilihat sebagai mata wang terkurang nilai, oleh itu kami menjangka pengembalian kepada pelabur asing akan disokong oleh tambah nilai mata wang jangka panjang.

Di negara China, tinjauan masih agak tidak menentu. Dari satu sudut pandangan, kerajaan sedang mengambil tindakan untuk meningkatkan sokongan dasar yang seharusnya membantu untuk memberikan pandangan kepada tinjauan ekonomi. Meskipun, keyakinan pelabur tetap rapuh, sebarang tanda-tanda penstabilan makro boleh mencetuskan kenaikan ketara memandangkan penilaian meleset. Di negara-negara Asia lain, terdapat tanda-tanda yang menggalakkan dari segi kepentingan sektor teknologi dengan peningkatan serapan kelebihan kapasiti sebelumnya dalam rangkaian bekalan semikonduktor. Pada keseluruhannya, penilaian serantau kekal pada paras yang munasabah.

Agihan Pendapatan

Tiada agihan dibuat atau dicadangkan sepanjang tahun kewangan.


Caj Pengurusan Dana

Caj pengurusan dana sebanyak 1.50% dikenakan ke atas dana.

Peruntukan Portfolio

	Jumlah Unit Dipegang	Kos RM'000	Nilai Pasaran RM'000	Peratusan Nilai Aset Bersih %
DANA PENDAPATAN ORIENTAL ALLIANZ LIFE (USD)				
Aset Asing :				
ALLIANZ ORIENTAL INCOME (USD)	4,473	4,373.00	4,611.00	95.85

Prestasi Dana Pendapatan Oriental Allianz Life (USD) Berbanding Dengan Penanda Aras Sejak Pelancarannya



Penyata Aset dan Liabiliti

pada 31 Disember 2023

	2023 RM'000
DANA PENDAPATAN ORIENTAL (USD)	
ASET	
Pelaburan	
Aset Asing	4,611
Tunai dan baki bank	169
Lain-lain belum terima	49
JUMLAH ASET	4,829
LIABILITI	
Liabiliti cukai tertunda	19
JUMLAH LIABILITI	19
NILAI ASET BERSIH DANA	4,810
DIWAKILI OLEH:	
Modal pemegang polisi	4,628
Perolehan tertahan	182
	4,810
Nilai Aset Bersih Seunit (RM)	4,770

Penyata Perubahan dalam Nilai Aset

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023

	Modal Pemegang Polisi RM'000	Kerugian Terkumpul RM'000	Jumlah RM'000
DANA PENDAPATAN ORIENTAL (USD)			
Pada 1 Januari 2023	-	-	-
Penciptaan unit sepanjang tahun	4,628	-	4,628
Keuntungan bagi tahun	-	182	182
Pada 31 Disember 2023	4,628	182	4,810

Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023

	2023 RM'000
DANA PENDAPATAN ORIENTAL (USD)	
PENDAPATAN PELABURAN BERSIH	
Pendapatan dividen	25
Perolehan tidak direalisasikan dalam nilai pelaburan	241
Perolehan tukaran asing tidak direalisasikan disebabkan oleh pelaburan	13
	279
DITOLAK: PERBELANJAAN	
Yuran pengurusan	(37)
Kerugian tukaran asing	(39)
KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI	203
CUKAI PERBELANJAAN	(21)
KEUNTUNGAN BAGI TAHUN	182
Perolehan tertahan dihantar ke hadapan	182

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian penting daripada penyata-penyata kewangan ini.

Dana Thematica Allianz Life (USD)

- 229 Jadual Perbandingan Prestasi
- 229 Peruntukan Portfolio Mengikut Kategori Pelaburan
- 232 Peruntukan Portfolio
- 233 Prestasi Dana Thematica Allianz Life (USD) Berbanding Dengan Penandan Aras Sejak Pelancarannya
- 234 Penyata Aset dan Liabiliti
- 235 Penyata Perubahan dalam Nilai Aset Bersih
- 235 Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan



Imbas kod QR ini bagi versi digital Laporan Prestasi Dana yang terdapat di laman web korporat kami.

Jadual Perbandingan Prestasi

	TK2023
DANA THEMATICA ALLIANZ LIFE (USD)	
Nilai Aset Bersih (NAV) (RM/unit)	1.012
Unit dalam Edaran	863,677
Jumlah NAV (RM)	873,576
NAV Tertinggi (RM/unit)	1.016
NAV Terendah (RM/unit)	0.880
Jumlah Pulangan Tahunan (%) (Ditahunkan)	1.20
Penanda aras: Jumlah pulangan MSCI Dunia AC (Bersih) (%) (Ditahunkan)	5.47
PECAHAN PULANGAN TAHUNAN DANA	
Pertumbuhan Modal (%) (Ditahunkan)	1.07
Agihan Pendapatan (%) (Ditahunkan)	0.13

* Dana Thematica Allianz Life (USD) dilancarkan pada 5 Julai 2023.

Peruntukan Portfolio Mengikut Kategori Pelaburan

	TK2023
DANA THEMATICA ALLIANZ LIFE (USD)	
Pelaburan dalam:	
Allianz Thematica (USD)	94.46%
Tunai & Deposit	5.54%

* Bagi sebarang maklumat tentang Peruntukan Portfolio Allianz Thematica (USD), sila rujuk <https://sg.allianzgi.com/>

	Sejak Pelancaran (Ditahunkan)
PULANGAN TAHUNAN PURATA	
Pulangan Tahunan Purata Dana	1.20%
Pulangan Tahunan Purata Penanda Aras	5.47%

Peruntukan Portfolio Mengikuti Kategori Pelaburan

Objektif dan Strategi Pelaburan

Dana Thematica Allianz Life (USD) ("Dana") bertujuan untuk memberikan pertumbuhan modal jangka panjang dengan melabur dalam pasaran ekuiti global dengan memfokus kepada tema dan pemilihan saham.

Dana ini ialah dana pembekal yang bertujuan untuk mencapai objektif pelaburan dengan melabur dalam dana sandaran yang dikenali sebagai Allianz Thematica ("Dana Sasaran") yang kemudiannya melabur dalam pasaran ekuiti global dengan memfokus kepada tema dan undian saham.

Tinjauan dan Strategi mengikut Dana Sasaran

Tema: Tenaga Generasi Seterusnya

Berhubung dengan pilihan raya AS yang mendatang, para pelabur kelihatan mempunyai pelbagai persoalan tentang kemampuan tema ini, menjangka peralihan politik di AS daripada tenaga boleh diperbaharui. Penolakan tindakan pengurangan inflasi yang menasar untuk meningkatkan industri pembuatan di AS dengan merangsang pengeluaran tenaga boleh diperbaharui, akan memudaratkan banyak pusat-pusat perindustrian di AS yang sama ada berada di negeri-negeri bersifat mudah berubah pandangan politik atau mengundi untuk menyokong parti Republikan. Yang ironiknya, daripada semua negeri AS, kubu kuat Republikan dan negeri pengeluar bahan api fosil utama, Texas yang merupakan pengeluar terbesar tenaga boleh diperbaharui disebabkan oleh keadaan pengeluaran ekonomi yang memuaskan berdasarkan kekayaannya dari segi sumber angin dan matahari serta ruang yang luas. Kelebihan kos tenaga boleh diperbaharui seperti yang dilihat di Texas, Oklahoma, dan Kansas menjadi semakin lebih ketara dan bermakna. Persidangan Iklim Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UN COP28) sekali lagi telah memberikan tumpuan utama kepada masa depan bagi penyelesaian tenaga boleh diperbaharui memandangkan kebanyakan negara terbelakang daripada sasaran asal manakala perubahan iklim kelihatan semakin cepat berlaku. Bahan api fosil yang beransur-ansur lenyap telah dirumuskan dalam kenyataan akhir yang jelas menyatakan bahawa ia tidak mungkin menjadi industri yang akan berkembang pada masa hadapan. Bagi strategi ini, kami telah mengalihkan pendedahan kepada tema Tenaga Generasi Seterusnya pada separuh tahun 2023. Dengan pendekatan pengurusan aktif kami mengenai tiga lapisan, kami juga aktif dalam tema ini. Tumpuan dikekalkan pada syarikat-syarikat yang menguntungkan manakala syarikat-syarikat tidak menguntungkan seperti Hidrogen bukan merupakan sebahagian daripada portfolio. Kami mengekalkan pendedahan yang lebih besar kepada semikonduktor, bahan-bahan bateri, pemanasan dan pendinginan serta bahan api alternatif. Selepas prestasi yang lemah pada bulan-bulan yang lepas, kami memantau rapi tema ini memandangkan paras penilaian dan hakikat bahawa pemacu struktur jangka panjang tema ini kekal teguh.

Tema: Hayat Digital

Tema ini merangkumi beberapa topik daripada komputeran awan hingga keselamatan siber dan pembayaran digital. Dengan pelancaran Chat GPT lebih kurang setahun yang lalu, Kepintaran Buatan (AI) mungkin menjadi topik perbincangan utama mengenai pasaran modal sepanjang tahun. Kemungkinan seolah-olah tidak terbatas dan harapan ibarat setinggi gunung namun penyampaian sebenar dan kaitan dengan situasi harian masih jauh lagi. Perkara utama yang sudah pasti ialah jaminan besar generatif AI memerlukan data yang begitu banyak dan kuasa penyimpanan dan pengkomputeran yang ketara. Ini memerlukan komputeran awan hiper skala yang dapat mengendalikan amaun data yang besar. Namun perubahan transformasi tidak berhenti di situ. Semikonduktor mewakili jerih perih sewaktu kerubut emas dalam AI. Di pasaran lain, setelah menanggung kesengsaraan daripada sekatan berkaitan dengan Covid dan inflasi serta pergolakan berkaitan dengan tenaga, perbelanjaan modal korporat dapat memberikan tumpuan semula kepada melindungi dan mengekalkan keteguhan dalam prosedur perniagaan. Baru-baru ini, Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa AS (SEC) mengamalkan peraturan baharu yang memerlukan syarikat-syarikat awam untuk mendedahkan insiden keselamatan siber material, serta pengurusan, strategi dan pentadbiran risiko keselamatan siber. Perbelanjaan keselamatan siber diunjurkan untuk meningkat pada kadar ditahunkan lebih daripada 14%⁷. Insiden keselamatan siber boleh menjejaskan reputasi syarikat dan prestasi kewangan, dan peraturan baharu mungkin akan membolehkan pendedahan umum tentang insiden keselamatan siber yang mendorong lebih desakan kepada pihak pemegang saham untuk menghindari kerosakan berkaitan dengan keselamatan siber bagi pelbagai syarikat korporat tersenarai. Penyedia penyelesaian pembayaran digital dijangka terus memperoleh manfaat daripada lima trend penting: dompet digital, kaedah pembayaran alternatif, perbankan terbuka, pembelajaran mesin, dan akhir sekali - keterangkuman kewangan secara global.

Peruntukan Portfolio Mengikut Kategori Pelaburan

Tema: Infrastruktur

Pelbagai cabaran semasa termasuk infrastruktur bandar yang tidak mencukupi dengan tahap pencemaran semasa, pertumbuhan penduduk, dan ketidakseimbangan sosial yang meningkat. Kepentingan bandar-bandar pintar dapat difahami dengan keperluan mendesak bagi bandar-bandar baharu dan yang sedia ada untuk menjadi lebih cekap dan mampan. Tumpuan beralih daripada pengguna berdepan dengan pelbagai teknologi pintar kepada pelbagai perubahan yang tidak dapat dielakkan dalam infrastruktur bandar. Manakala kenaikan kadar faedah secara global telah memberi tekanan kepada pemilik-pemilik infrastruktur, syarikat-syarikat pemboleh masih memperoleh manfaat daripada pelbagai langkah fiskal di China dan Akta Pengurangan Inflasi di AS. Penurunan hasil bon kini dijangka meningkatkan selera pelaburan infrastruktur baharu oleh para pengendali infrastruktur dan pelbagai kerajaan. Pada tahun 2016, McKinsey mengandaikan bahawa keperluan perbelanjaan tahunan USD 3.3 trilion sehingga tahun 2030 melebihi pelaburan sebenar sebanyak USD 2.5 trilion secara global. Pelbagai ekonomi baru muncul merupakan sebahagian besar daripada keperluan tersebut. Pada masa ini, rantau Asia mendahului pembangunan inovasi dan infrastruktur pelbagai kategori produk yang dipacu oleh permintaan bandar-bandar pintar seperti makanan dan kesihatan terus berkembang maju, sesetengah kategori dalam bidang budi bicara kekal agak lemah. Kami kini melihat fasa penstabilan dalam tema kadar pertumbuhan dan penilaian kembali kepada paras normal. Manakala hal ini mengemukakan cabaran semasa, pemacu pertumbuhan jangka panjang kekal kukuh. Sebagai contoh, terdapat lebih banyak haiwan peliharaan kini secara global berbanding dengan pra-pandemik. Waktu bekerja fleksi dan ruang pejabat yang mesra haiwan menyokong para pemilikan haiwan. Para pemilik haiwan peliharaan terus meningkatkan perbelanjaan bagi haiwan mereka – kesan pemanusiaan dan pempremiuman - dan haiwan peliharaan hidup lebih lama disebabkan oleh makanan yang berkualiti lebih baik dan amalan penjagaan kesihatan yang lebih baik.

Apa seterusnya?

Kami melabuhkan tirai tahun 2023 dengan gelak ketawa dan tangisan. Dari satu sudut pandangan, strategi yang dilaksanakan telah menghasilkan pulangan mutlak yang bermakna, hasil yang mungkin di luar jangkaan teras para peserta pasaran pada awal tahun. Dari sudut pandangan yang lain, strategi yang dilaksanakan telah menyusul pasaran ekuiti global didorong oleh pasaran yang sempit – iaitu “magnificent seven” (portfolio tujuh saham luar biasa syarikat teknologi gergasi AS) – dan tema faktor halangan yang khusus. Bagaimanapun, kami melangkah memasuki tahun 2024 dengan pandangan yang positif. Portfolio berpandangan ke hadapan berkaitan dengan harga kepada perolehan (P/E) berada bawah pasaran ekuiti global - pada paras yang belum pernah dilihat sejak lima tahun yang lepas. Pada masa yang sama, kedua-dua pertumbuhan perolehan serta pertumbuhan jualan dijangka mengatasi purata pasaran-pasaran ekuiti global. Manakala hal ini telah memberikan titik permulaan yang baik bagi pelan pencepat, kami yakin terhadap tema-tema yang telah digariskan. Dalam pelaksanaan tatacara untuk menyemak kesesuaian pengekalan setiap tema yang sedang dilaksanakan, kami dapat dengan jelas meletakkan tanda semak pada setiap tema yang dimiliki dalam portfolio. Pada pandangan kami, portfolio pelbagai jenis-tema terus menawarkan banyak peluang untuk para pelabur bagi tahun akan datang.

Nota:

³ World Resource Institute, *Securing Freshwater for all, 2023*

⁴ UN World Population Prospects 2022

⁵ Agency for Healthcare Research and Quality 2019

Bahan ini hanya untuk akaun pelanggan/penerima khusus dalam laporan ini. Ia hanya untuk tujuan maklumat sahaja. Sebarang pengagihan, penghasilan semula, pengekstrakan, penghantaran dokumen ini tanpa kelulusan terlebih dahulu daripada Allianz Global Investors adalah tidak dibenarkan.

Tiada keterangan diambil daripada objektif pelaburan, situasi kewangan atau keperluan tertentu mana-mana individu semasa penyediaan dokumen ini. Ini bukanlah penawaran untuk membeli atau menjual, rayuan atau galakan penawaran untuk membeli atau menjual, mana-mana sekuriti, strategi, produk atau perkhidmatan pelaburan tertentu ataupun ia bukan merupakan nasihat atau syor pelaburan.

Ini sekadar untuk panduan dan bukan menunjukkan peruntukan masa hadapan. Prestasi lepas, atau sebarang jangkaan, unjuran atau ramalan, bukan indikatif prestasi masa hadapan.

Pelbagai kaedah dan sumber data digunakan mungkin berbeza daripada pelbagai sumber yang digunakan untuk dokumen dana rasmi. Emel ini telah diwujudkan berdasarkan pengetahuan kami, usaha dan data yang ada, dan diandaikan betul dan boleh dipercayai pada masa penerbitan dan belum disahkan secara luaran.

Sumber: Ulasan dana dan catatan dana Disember 2023. Setakat 31 Disember 2023

Peruntukan Portfolio Mengikut Kategori Pelaburan

Pandangan dan pendapat dalam dokumen ini tertakluk pada perubahan tanpa notis, adalah yang berkaitan dengan Allianz Global Investors pada masa penerbitan. Manakala kami percaya bahawa maklumat adalah betul pada tarikh tertera pada bahan ini, tiada jaminan perwakilan diberikan bagi tujuan ini dan pihak kami tidak memikul sebarang tanggungjawab terhadap mana-mana pengantara atau pengguna akhir bagi sebarang tindakan yang diambil berdasarkan maklumat ini.

Sesetengah maklumat yang terkandung dalam dokumen ini termasuk pernyataan pendapat atau ramalan yang diperolehi daripada atau berdasarkan pelbagai sumber yang kami percaya boleh dipercayai setakat tarikh ia dibuat, tetapi ia tidak terjamin dan kami tidak menjamin atau memikul sebarang tanggungjawab berhubung dengan kecukupan, ketepatan, kebolehpercayaan atau kesempurnaan maklumat tersebut.

Pelaburan melibatkan pelbagai risiko, terutamanya risiko berkaitan dengan pelaburan dalam pasaran-pasaran baru muncul dan kurang membangun. Sebarang prestasi lepas, jangkaan, unjuran atau ramalan bukan indikatif prestasi masa hadapan. Para pelabur seharusnya tidak bergantung semata-mata pada bahan ini untuk membuat keputusan pelaburan. Maklumat ini diberikan atas pemahaman bahawa mana-mana individu yang bertindak berdasarkananya atau sebaliknya mengubah kedudukan bergantung padanya, melakukan sedemikian sepenuhnya atas risiko sendiri tanpa sebarang tanggungjawab ke atas pihak kami.

Agihan Pendapatan

Tiada sebarang agihan dibuat atau dicadangkan sepanjang tahun kewangan.


Caj Pengurusan Dana

Caj pengurusan dana sebanyak 1.50% dikenakan ke atas dana.

Peruntukan Portfolio

	Jumlah Unit Dipegang	Kos RM'000	Nilai Pasaran RM'000	Peratusan Nilai Aset Bersih %
DANA THEMATICA ALLIANZ LIFE (USD)				
ASET ASING :				
ALLIANZ THEMATICA (USD)	5,058	3,632.00	3,795.00	94.46

Prestasi Dana Thematica Allianz Life (USD) Berbanding Dengan Penanda Aras Sejak Pelancarannya



Penyata Aset dan Liabiliti

pada 31 Disember 2023

	2023 RM'000
DANA THEMATICA (USD)	
ASET	
Pelaburan	
Aset Asing	3,795
Tunai dan baki bank	143
Lain-lain belum terima	93
JUMLAH ASET	4,031
LIABILITI	
Liabiliti cukai tertunda	13
JUMLAH LIABILITI	13
NILAI ASET BERSIH DANA	4,018
DIWAKILI OLEH:	
Modal pemegang polisi	3,904
Kerugian perolehan tertahan	114
	4,018
Nilai Aset Bersih Seunit (RM)	4.652

Penyata Perubahan dalam Nilai Aset Bersih

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023

	Modal Pemegang Polisi RM'000	Kerugian Terkumpul RM'000	Jumlah RM'000
DANA THEMATICA (USD)			
Pada 1 Januari 2023	-	-	-
Penciptaan unit sepanjang tahun	3,904	-	3,904
Keuntungan bagi tahun	-	114	114
Pada 31 Disember 2023	3,904	114	4,018

Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023

	2023 RM'000
DANA THEMATICA (USD)	
PENDAPATAN PELABURAN BERSIH	
Pendapatan dividen	20
Perolehan tidak direalisasi dalam nilai pelaburan	165
Kerugian tukaran asing tidak direalisasi disebabkan oleh pelaburan	(1)
	184
DITOLAK: PERBELANJAAN	
Caj pengurusan	(30)
Kerugian tukaran asing	(25)
KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI	129
PERBELANJAAN CUKAI	(15)
KEUNTUNGAN BAGI TAHUN	114
Perolehan tertahan dihantar ke hadapan	114

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian penting daripada penyata-penyata kewangan ini.

Dana Pendapatan Elit Allianz Life (USD)

- 237 Jadual Perbandingan Prestasi
- 237 Peruntukan Portfolio Mengikut Kategori Pelaburan
- 239 Peruntukan Portfolio
- 240 Prestasi Dana Pendapatan Elit Allianz Life (USD) Berbanding Penanda Aras Sejak Pelancarannya
- 241 Penyata Aset dan Liabiliti
- 242 Penyata Perubahan dalam Nilai Aset Bersih
- 242 Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan



Imbas kod QR ini bagi versi digital Laporan Prestasi Dana yang terdapat di laman web korporat kami.

Jadual Perbandingan Prestasi

	TK2023
DANA PENDAPATAN ELIT ALLIANZ LIFE (USD)	
Nilai Aset Bersih (NAV) (RM/unit)	1.044
Unit dalam Edaran	1,265,375
Jumlah NAV (RM)	1,319,933
NAV Tertinggi (RM/unit)	1.045
NAV Terendah (RM/unit)	0.980
Jumlah Pulangan Tahunan (%) (Ditahunkan)	4.40
Penanda aras: Agregat U.S. Bloomberg (Bersih) (%) (Ditahunkan)	3.58
PECAHAN PULANGAN TAHUNAN DANA	
Pertumbuhan Modal (%) (Ditahunkan)	4.22
Agihan Pendapatan (%)	0.18

* Dana Pendapatan Elit Allianz Life (USD) dilancarkan pada 5 Julai 2023.

Peruntukan Portfolio Mengikut Kategori Pelaburan

	TK2023
DANA PENDAPATAN ELIT ALLIANZ LIFE (USD)	
Pelaburan dalam:	
PIMCO GIS Income Fund (Accumulation) (USD)	95.70%
Tunai & Deposit	4.30%

* Bagi sebarang maklumat tentang Peruntukan Portfolio PIMCO GIS Income Fund (Accumulation) (USD), sila rujuk <https://www.pimco.com.sg/>

	Sejak Pelancaran (Ditahunkan)
PURATA PULANGAN TAHUNAN	
Purata Pulangan Tahunan Dana	4.40%
Purata Pulangan Tahunan Penanda Aras	3.58%

Peruntukan Portfolio Mengikut Kategori Pelaburan

Objektif dan Strategi Pelaburan

Dana Pendapatan Elit Allianz Life (USD) ("Dana") bertujuan untuk memberikan pengumpulan pendapatan melalui pengurusan pelaburan berhemat, dengan naik nilai modal jangka panjang sebagai objektif kedua.

Dana ini ialah dana pembekal yang bertujuan untuk mencapai objektif pelaburan dengan melabur dalam dana yang dikenali sebagai PIMCO GIS Income Fund (Accumulation) (USD) ("Dana Sasaran").

Tiada sebarang perubahan dalam objektif, strategi, sekatan dan batasan pelaburan sepanjang tahun kewangan.

Tinjauan dan Strategi mengikut Dana Sasaran

Kami percaya bahawa tahun 2024 dijangka lebih dinamik bagi pengurusan pelaburan aktif. Gabungan antara aliran pertumbuhan global yang lebih berubah dengan yang lebih tetap mewujudkan peluang signifikan untuk menjana nilai alpha. Kami terus terlibat nilai bermakna dalam bon boleh dicairkan berkualiti tinggi yang menawarkan hasil memberangsangkan dan berpotensi untuk naik nilai. Meskipun tinjauan keadaan ekonomi tidak menentu, Dana Pendapatan ini berada pada kedudukan yang kukuh untuk memperoleh manfaat daripada hasil yang lumayan di seluruh pasaran bon kini. Pada masa yang sama, kedudukan Dana ini yang berdaya tahan membolehkan kenaikan harga pada masa hadapan, sekiranya keadaan ekonomi lemah dan kadar faedah menurun. Kami telah meningkatkan pegangan kecairan sepanjang tahun 2023, yang membolehkan kami mengambil kesempatan atas peluang-peluang menjana alpha yang memberangsangkan sepanjang tempoh 12-bulan akan datang apabila keadaan sedemikian timbul.

Agihan Pendapatan

Tiada sebarang agihan dibuat atau dicadangkan sepanjang tahun kewangan.


Caj Pengurusan Dana

Caj pengurusan dana sebanyak 0.90% dikenakan ke atas Dana.

Peruntukan Portfolio

	Jumlah Unit Dipegang	Kos RM'000	Nilai Pasaran RM'000	Peratusan Nilai Aset Bersih %
DANA PENDAPATAN ELIT ALLIANZ LIFE (USD)				
ASET ASING:				
PIMCO GIS Income Fund (Accumulation) (USD)	73,570	5,591.00	5,810.00	95.70

Prestasi Dana Pendapatan Elit Allianz Life Berbanding Penanda Aras Sejak Pelancarannya



Penyata Aset dan Liabiliti

pada 31 Disember 2023

	2023 RM'000
DANA PENDAPATAN ELIT ALLIANZ LIFE (USD)	
ASET	
Pelaburan	
Aset Asing	5,810
Tunai dan baki bank	186
Lain-lain belum terima	93
JUMLAH ASET	6,089
LIABILITI	
Liabiliti cukai tertunda	18
JUMLAH LIABILITI	18
NILAI ASET BERSIH DANA	6,071
DIWAKILI OLEH:	
Modal pemegang polisi	5,931
Perolehan tertahan	140
	6,071
Nilai Aset Bersih Seunit (RM)	4,798

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian penting daripada penyata-penyata kewangan ini.

Penyata Perubahan dalam Nilai Aset Bersih

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023

	Modal Pemegang Polisi RM'000	Kerugian Terkumpul RM'000	Jumlah RM'000
DANA PENDAPATAN ELIT (USD)			
Pada 1 Januari 2023	-	-	-
Penciptaan unit sepanjang tahun	5,931	-	5,931
Keuntungan bagi tahun	-	140	140
Pada 31 Disember 2023	5,931	140	6,071

Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023

	2023 RM'000
DANA PENDAPATAN ELIT (USD)	
PENDAPATAN PELABURAN BERSIH	
Pendapatan dividen	10
Perolehan tidak direalisasikan dalam nilai pelaburan	222
Kerugian tukaran asing tidak direalisasikan disebabkan oleh pelaburan	(3)
	229
DITOLAK: PERBELANJAAN	
Yuran pengurusan	(28)
Kerugian tukaran asing	(42)
KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI	159
PERBELANJAAN CUKAI	(19)
KEUNTUNGAN BAGI TAHUN	140
Perolehan tertahan dihantar ke hadapan	140

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian penting daripada penyata-penyata kewangan ini.

Lampiran

244 Nota-nota kepada Maklumat Kewangan

252 Penyata mengikut Pengurus

253 Laporan Juruaudit Bebas

256 Rangkaian Pejabat-pejabat Allianz Life Insurance Malaysia Berhad



Imbas kod QR ini bagi versi digital Laporan Prestasi Dana yang terdapat di laman web korporat kami.

Nota-nota kepada Maklumat Kewangan

1. Aktiviti utama dan maklumat umum

Aktiviti utama Dana Ekuiti Allianz Life, Dana Terurus Allianz Life, Dana Pertumbuhan Dinamik Allianz Life, Dana Pendapatan Ekuiti Allianz Life, Dana Global High Payout Allianz Life, Dana Asia Multi-IncomePLUS Allianz Life, Dana Induk Bon Allianz Life, Dana Induk Ekuiti Allianz Life, Dana Induk Dividen Allianz Life, Dana Bon Allianz Life, Dana Padu Allianz Life, Dana Induk Dana Ekuiti Allianz Life, Dana Amanah Dana Ikhlas Allianz Life, Dana ASEAN Plus Allianz Life dan Dana Induk ASEAN Plus Allianz Life, Dana Ekuiti All China Allianz Life, Dana Global Kepintaran Buatan Allianz Life, Dana Pendapatan Oriental Allianz Life, Dana Ekuiti Asia Total Return Allianz Life, Dana Pendapatan Global Allianz Life, Dana Thematica Allianz Life dan Dana Pendapatan Elit Allianz Life, (selepas ini dirujuk secara kolektif sebagai "Dana") adalah untuk melabur dalam pelaburan yang dibenarkan.

Dana Ekuiti Allianz Life, Dana Ekuiti All China Allianz Life (USD), Dana Kepintaran Buatan Global Allianz Life (USD), Dana Pendapatan Oriental Allianz Life (USD), Dana Thematica Allianz Life (USD) dan Dana Pendapatan Elit Allianz Life yang dilancarkan pada 18 Julai 2000, merupakan dana pelaburan terbuka yang bertujuan untuk memberikan peningkatan nilai sederhana hingga jangka panjang dengan melabur dalam ekuiti dan sekuriti berkaitan dengan ekuiti.

Dana Terurus Allianz Life ("Dana Terurus") yang bermula pada 18 Julai 2000, merupakan dana pelaburan terbuka yang bertujuan untuk memberikan peningkatan nilai sederhana hingga jangka panjang dengan melabur dalam ekuiti pelbagai dan sekuriti berkaitan ekuiti, sekuriti berpendapatan tetap dan instrumen pasaran wang.

Dana Pertumbuhan Dinamik Allianz Life ("Dana Pertumbuhan Dinamik") yang bermula pada 8 Disember 2003, ialah dana pelaburan terbuka yang bertujuan untuk mencapai peningkatan modal dalam jangka sederhana hingga panjang dengan melabur dalam portfolio saham pelbagai memberikan tumpuan kepada syarikat-syarikat bersaiz kecil hingga sederhana.

